

Taqiyuddin an-Nabhani

***PEMBENTUKAN PARTI
POLITIK ISLAM***

(Edisi Mu'tamadah)

**Dikeluarkan Oleh:
HIZBUT TAHRIR**

تتقي الدين الشهرستاني

التكتل الحزبي

الطبعة الرابعة

١٤٢٢ هـ - ٢٠٠١ م

(طبعة معتمدة)

من منشورات

حزب التحرير



PEMBENTUKAN PARTI POLITIK ISLAM

Sejak abad ke-13 Hijriyah atau abad ke-13 Masihi, pelbagai gerakan telah ditubuhkan untuk membangkitkan umat Islam. Usaha-usaha tersebut setakat ini belum mencapai kejayaan, walaupun ia meninggalkan pengaruh yang kuat terhadap generasi yang datang setelah mereka, untuk mengulangi usaha mereka sekali lagi. Pemerhati yang meneliti usaha-usaha ini, iaitu mereka yang mengkaji gerakan-gerakan untuk kebangkitan, akan mendapati bahawa sebab utama kegagalan semua usaha itu ditinjau dari aspek organisasi adalah disebabkan oleh empat faktor berikut:

Pertama, gerakan-gerakan tersebut ditubuhkan berdasarkan fikrah (pemikiran) umum tanpa batasan yang jelas, sehingga muncul kekaburan atau kesamaran. Lebih dari itu, fikrah tersebut tidak cemerlang, tidak jernih, dan tidak murni.

Kedua, gerakan-gerakan tersebut tidak mengetahui thariqah (metod) untuk melaksanakan fikrahnya. Sebaliknya fikrahnya diterapkan dengan cara-cara yang menunjukkan ketidaksediaan gerakan tersebut dan penuh dengan simpang-siur. Tambahan pula, thariqah gerakan-gerakan tersebut telah diliputi oleh kekaburan dan ketidakjelasan.

Ketiga, gerakan-gerakan tersebut bergantung kepada orang-orang yang belum sepenuhnya mempunyai kesedaran yang benar. Mereka juga belum mempunyai niat yang betul. Malah mereka hanyalah orang-orang yang berbekalkan keinginan dan semangat semata-mata.

Keempat, mereka yang menjalankan tugas gerakan-gerakan tersebut tidak mempunyai ikatan yang benar. Ikatan yang ada hanyalah struktur organisasi yang disertai dengan beberapa perihalan tugas organisasi, dan beberapa slogan organisasi.

Akibatnya, adalah wajar jika kelompok-kelompok tersebut bergerak hanya setakat bekal kesungguhan dan semangat yang dimiliki sehingga bekalan itu habis. Kemudian aktiviti mereka berhenti dan akhirnya hilang. Selepas itu gerakan-gerakan lain berdiri dengan orang-orang yang berlainan pula. Mereka juga bergerak seperti orang-orang sebelum itu, sehingga akhirnya pada tahap tertentu mereka kehabisan bekal semangat dan kesungguhan yang mereka miliki. Demikianlah ia berlaku berulang kali.

Kegagalan semua gerakan ini adalah sesuatu yang wajar, kerana gerakan-gerakan tersebut tidak berdiri atas asas fikrah yang benar dengan batasan yang jelas, tidak mengetahui thariqah yang lurus, tidak bertumpu pada orang-orang yang mempunyai kesedaran yang sempurna, serta tidak mempunyai suatu ikatan yang benar.

Mengenai aspek fikrah dan thariqah yang menjadi punca kegagalan gerakan-gerakan tersebut, ia tampak jelas pada kesalahan falsafah (idea dasar) -kalau boleh dikatakan mereka mempunyai falsafah- yang menjadi asas berdirinya gerakan-gerakan ini. Gerakan-gerakan tersebut ada yang berupa gerakan Islam dan ada yang berupa gerakan nasionalisme (harakah qaumiyyah).

Para aktivis gerakan Islam mendakwahkan Islam dalam bentuk yang masih terlalu global atau umum. Mereka cuba menafsirkan Islam dengan cara yang bersesuaian dengan situasi dan keadaan yang ada pada masa itu, atau menyesuaikan Islam supaya sesuai dengan peraturan-peraturan selain daripada Islam yang akan diambil, supaya Islam seolah-olah sesuai dengan perkara-perkara tersebut. Dengan demikian, penakwilan seperti itu akhirnya hanya menjadi alasan untuk mempertahankan keadaan yang ada atau untuk mengambil peraturan selain daripada Islam.

Sementara aktivis-aktivis gerakan nasionalisme, orang-orang Arab, aktivis gerakan ini menyeru kebangkitan bangsa Arab atas asas idea nasionalisme yang kabur dan tidak jelas, serta mengabaikan ajaran Islam dan identiti mereka sebagai umat Islam. Mereka menggunakan pelbagai slogan mengenai nasionalisme, ketinggian maruah dan kehormatan bangsa Arab, arabisme, kemerdekaan, dan seumpamanya, tanpa mempunyai apa-apa konsep yang jelas, yang sesuai dengan hakikat kebangkitan. Sementara itu, orang-orang Turki, aktivis gerakan ini juga menyeru kebangkitan bangsa Turki atas asas nasionalisme Turki. Para propagandis nasionalisme Turki ataupun Arab ini sebenarnya bergerak mengikut arahan penjajah, yang juga telah mengarahkan gerakan-gerakan nasionalisme di kawasan Balkan untuk memisahkan diri dari Daulah Uthmaniyah sebagai sebuah Daulah Islam.

Di negara-negara Arab sendiri, para aktivis kedua-dua gerakan tersebut mengadakan polemik yang panjang dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah, untuk mencari idea mana yang lebih utama dan lebih tepat, Pan Arabisme (Jami'ah Arabiyah) atau Pan Islamisme (Jami'ah Islamiyah)?

Polemik tersebut berlangsung lama dan banyak membuang tenaga tanpa menghasilkan kesimpulan, kerana kedua-dua jenis idea ini -Pan Arabisme dan Pan Islamisme- sebenarnya adalah projek penjajah untuk memalingkan perhatian umat Islam dari Daulah Islam. Oleh sebab itu, kegagalan polemik tersebut tidak hanya terhad kepada kegagalan untuk mencapai kesimpulan, tetapi lebih daripada itu telah menjauhkan (gambaran) Daulah Islam dari penglihatan dan minda umat Islam.

Selain gerakan Islam dan gerakan nasionalisme, gerakan-gerakan patriotisme (harakah wathaniyah) juga ditubuhkan di pelbagai negara Islam, sebagai reaksi terhadap penjajahan kaum kafir penjajah ke atas sebahagian wilayah Daulah Islam, dan sebagai reaksi terhadap kezaliman politik dan ekonomi terhadap masyarakat akibat daripada penerapan sistem kapitalisme di negara-negara tersebut.

Walaupun gerakan-gerakan patriotisme tersebut merupakan tindak balas terhadap penderitaan-penderitaan tersebut, sebahagiannya masih memiliki idea Islam yang dominan, sedangkan sebahagiannya lagi hanya didominasi oleh idea patriotisme, kerana gerakan-gerakan tersebut adalah rekayasa dan rancangan penjajah.

Disebabkan gerakan-gerakan ini didorong oleh semangat patriotik, umat Islam telah disibukkan untuk melakukan perjuangan murahan yang sebenarnya malah menguatkan

cengkaman musuh mereka. Apatah lagi gerakan-gerakan tersebut amat miskin dari segi pemikiran-pemikiran yang mesti mereka jadikan pedoman.

Kami percaya bahawa falsafah kebangkitan yang hakiki ialah ideologi (*mabda'*), yang menggabungkan fikrah dan thariqah secara bersepadu. Ideologi tersebut adalah Islam kerana ia adalah satu akidah yang melahirkan peraturan untuk mengatur semua urusan negara dan umat, dan penyelesaian kepada semua masalah kehidupan.

Walaupun Islam adalah sistem universal (sejagat), tetapi bukan daripada thariqahnya untuk memulakan perjuangan secara universal di seluruh dunia sejak awal. Islam memang mesti didakwahkan secara universal ke seluruh dunia, tetapi mesti ditetapkan adanya wilayah gerakannya terlebih dahulu di satu atau di beberapa negara, sehingga dakwah Islam dapat memantapkan diri di Negara tersebut. Kemudian Daulah Islam akan berdiri dan berkembang secara semulajadi sehingga ia merangkumi semua negara Islam. Ini adalah peringkat pertama. Peringkat seterusnya, Daulah Islam tersebut akan menyebarluaskan Islam ke seluruh penjuru dunia, sebagai risalah Islam dan risalah umat manusia yang bersifat universal dan abadi.

Seluruh dunia adalah tempat yang sesuai untuk dakwah Islam. Walau bagaimanapun, kerana negara-negara Islam, penduduknya adalah beragama Islam, dakwah mesti bermula di sana. Juga kerana negara-negara Arab –yang merupakan sebahagian daripada negara-negara Islam- berbahasa Arab -sementara bahasa Arab adalah bahagian penting dalam Islam dan elemen utama tsaqafah (kebudayaan) Islam- keutamaan mesti diberikan kepada Negara Arab untuk memulakan aktiviti dakwah. Selain itu, mesti ada usaha untuk menggabungkan kekuatan bahasa Arab dengan kekuatan Islam, supaya bahasa Arab bersatu dengan Islam, kerana masing-masing mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi, berkembang, dan menyebar ke seluruh dunia Islam.

Oleh itu, adalah wajar jika pada mulanya Daulah Islam akan berdiri di negara-negara Arab, supaya ia berfungsi sebagai nukleus bagi Daulah Islam yang akan merangkumi seluruh negara Islam.

Walaupun mendakwahkan Islam di negara-negara Arab adalah perlu, dakwah Islam juga perlu disampaikan ke seluruh Negara Islam. Jadi, memulakan kegiatan dakwah Islam di negara-negara Arab tidak bermakna bahawa aktiviti dakwah tidak dijalankan di negara-negara Islam lain sebelum negara-negara tersebut disatukan dalam Daulah Islam. Bahkan, dakwah dimulakan di negara-negara Arab dengan tujuan untuk mendirikan Daulah Islam, yang kemudiannya akan tumbuh dan meluas ke negeri-negeri sekelilingnya tanpa melihat lagi aspek Arab dan non-Arab.

Telah kami nyatakan, bahawa falsafah hakiki untuk mewujudkan kebangkitan bertolak dari adanya suatu ideologi yang menggabungkan fikrah dan thariqah secara terpadu. Kedua-dua perkara ini; fikrah dan thariqah, mesti difahami oleh setiap kelompok yang berjuang secara serius untuk mewujudkan kebangkitan.

Ideologi (Islam) kini telah menjadi jelas dan usaha memahaminya untuk membentuk sebuah kelompok telah menjadi perkara yang mudah. Oleh itu, adalah wajar jika suatu kelompok telah memahami ideologi tersebut dengan jelas, maka ia akan menjadi kelompok yang berpengaruh, kreatif dan progresif, layak untuk diikuti dan disokong oleh masyarakat, serta mampu melaksanakan tugas-tugasnya. Kerana kelompok tersebut telah memahami benar fikrahnya, mengetahui benar thariqahnya, dan memahami benar isu-isu yang dihadapinya.

Walau bagaimanapun, semata-mata memahami ideologi ini tidak akan dapat membawa kepada kebangkitan yang benar, kecuali jika aktivis-aktivisnya telah cukup layak untuk memasuki kelompok tersebut, dan ikatan yang menyatukan mereka dalam kelompok adalah ikatan yang benar dan produktif. Berdasarkan ikatan dalam kelompok ini pula, ditentukan kesesuaian seseorang untuk memasuki kelompok. Suatu parti ideologi (berasaskan suatu ideologi) akan menjadikan keyakinan terhadap akidahnya dan kematangan dalam tsaqafah partinya sebagai ikatan dalam kelompoknya. Oleh itu, kelayakan seseorang masuk dalam parti akan ditentukan secara semulajadi, iaitu dengan meleburnya mereka ke dalam parti ketika dakwah telah berinteraksi dengannya. Jadi, yang menentukan kelayakan mereka adalah ikatan kelompok tersebut, bukan lembaga parti. Sebab, ikatan yang menyatukan orang-orang tersebut dalam suatu kelompok adalah akidah dan tsaqafah parti yang berasal dari akidah tersebut.

Apabila kita mengkaji kelompok-kelompok yang muncul pada abad yang lalu (abad ke-19 M), kita dapati bahawa metod pembentukan kelompok yang rosak, adalah punca utama kegagalan mereka. Sebab, gerakan-gerakan tersebut tidak berdiri sebagai sebuah parti yang dilandasi oleh pemahaman hakiki (terhadap sebuah ideologi). Sebaliknya, mereka ditubuhkan hanya untuk membentuk suatu kelompok, atau parti yang mempunyai nama dan slogan sahaja (parti semu).

Sebelum Perang Dunia Pertama, umat Islam merasa bahawa mereka mempunyai sebuah Daulah Islam. Walaupun Negara ini telah lemah dan mengalami goncangan, dan pandangan yang berbeza terhadapnya, ia tetap menjadi fokus pemikiran dan perhatian umat Islam. Masyarakat Arab melihat negara ini menindas hak-hak mereka dan berkuasa secara kuku besi ke atas mereka. Tetapi mereka masih mengarahkan mata dan hati mereka kepadanya untuk memperbaikinya, kerana negara ini masih negara mereka. Namun, mereka tidak memahami hakikat kebangkitan, tidak memahami thariqah kebangkitan, dan tidak mempunyai suatu kelompok apa pun untuk itu. Kita juga dapat mengatakan bahawa keadaan seperti ini dialami oleh majoriti umat Islam.

Selain itu, pada abad ini (abad ke-20 M), tsaqafah asing telah menyerang negeri-negeri Islam. Dengan tsaqafah itu, para penjajah mampu menarik ke pihak mereka sekelompok umat Islam, serta merekrut mereka untuk mendirikan kelompok-kelompok politik (takattulaat hizbiyah) di dalam wilayah Daulah Islam. Kelompok-kelompok ini berdiri untuk memisahkan dan memerdekakan negeri mereka dari Daulah Islam. Penjajah juga mampu, dengan cara tertentu, menarik ke pihak mereka sekelompok orang-orang Arab yang mereka kumpulkan di Paris untuk membentuk suatu kelompok yang bertugas memerangi Daulah Uthmaniyyah, dengan slogan 'Memerdekakan Arab' dari Daulah Islam. Mereka telah disatukan oleh tsaqafah asing, pemikiran-pemikiran asing, serta perasaan nasionalisme dan patriotisme yang telah dihembuskan oleh kafir penjajah pada mereka. Mereka mempunyai ikatan pemikiran dan perasaan yang satu. Mereka disatukan dalam satu pemikiran yang membawa mereka kepada satu tujuan, iaitu kemerdekaan bagi bangsa Arab.

Selama Daulah Uthmaniyyah mengabaikan kepentingan mereka, berbuat zalim terhadap mereka, menindas hak-hak mereka, maka tujuan yang satu inilah yang menyatukan mereka dalam suatu kelompok politik yang mempunyai nama dan slogan sahaja (parti semu).

Semua ini telah membawa mereka kepada persiapan revolusi Arab dan mengakibatkan penyebaran kekuasaan kafir dan penjajah ke atas negeri-negeri Islam, terutamanya negeri-negeri Arab. Sampai di sini, selesailah tugas kelompok-kelompok tadi. Penjajah kemudian

membahagi-bahagi ghanimah (rampasan perang) yang diperolehnya itu, dengan melantik penguasa-penguasa di negeri-negeri Islam yang merupakan ejen-ejen para penjajah tersebut.

Selepas memusnahkan Daulah Islam, penjajah mengambil alih tempatnya dengan secara langsung memerintah negara-negara Arab, dan meluaskan pengaruh mereka ke seluruh negara-negara Islam. Secara fizikal mereka benar-benar telah menduduki negara-negara Arab dan mula menancapkan kekuasaannya di setiap bahagian dunia Arab melalui cara-cara yang tersembunyi dan kotor. Yang terpenting dari cara-cara itu adalah dengan menyebarkan tsaqafah asing penjajah, wang, dan ejen-ejen mereka.

Tsaqafah asing mempunyai pengaruh terbesar dalam menguatnya pemikiran kufur dan penjajahan. Ia menyumbang banyak ke arah menghalang kebangkitan umat, dan kegagalan gerakan-gerakan terorganisasi sama ada gerakan sosial mahupun gerakan politik. Sebab, sebuah tsaqafah memang berpengaruh besar terhadap pemikiran manusia, yang kemudiannya mempengaruhi perjalanan hidupnya.

Para penjajah telah merancang kurikulum pendidikan dan tsaqafah berdasarkan falsafah tertentu -yang merupakan pandangan hidup mereka- iaitu pemisahan material dari roh dan pemisahan agama dari negara. Penjajah menjadikan keperibadian mereka sebagai satu-satunya sumber tsaqafah kita. Mereka juga menjadikan peradaban (hadharah), konsep (mafahim), unsur-unsur sosial pembentuk negara mereka, serta sejarah dan persekitaran mereka sebagai sumber asal pemikiran yang mengisi akal kita. Tidak cukup dengan itu, mereka bahkan sengaja memutar belitkan pelbagai konsep dan fakta yang kita ambil dari mereka. Mereka memutar-balikkan gambaran mengenai penjajahan sedemikian rupa dengan menggambarkan penjajahan sebagai sesuatu yang mulia -sehingga layak untuk diikuti- dan sesuatu yang kuat -sehingga kita mesti berjalan bersamanya- dengan menyembunyikan wajah sebenar penjajahan dengan cara-cara yang licik.

Mereka terus masuk ke perincian perancangan sehingga tidak satu pun program yang keluar dari kurikulum umum ini. Akibatnya, kita menjadi terdidik dengan tsaqafah yang merosakkan, yang mengajar kita bagaimana orang lain berfikir. Hal ini telah menjadikan kita tidak mampu –secara semula jadi- untuk mempelajari bagaimana kita sepatutnya berfikir, kerana pemikiran kita dipisahkan dari persekitaran kita, keperibadian, dan sejarah kita, serta tidak lagi bersandar kepada ideologi kita. Oleh sebab itu, kita -kerana telah terdidik seperti itu- menjadi suatu kelompok yang terasing dari rakyat, yang tidak lagi memahami keadaan kita dan keperluan-keperluan rakyat kita.

Dengan demikian, perasaan orang-orang terpelajar terpisah dari pemikiran dan akal rakyat mereka, dan mereka -secara semulajadi- menjadi orang-orang yang terpisah dari umat, serta terpisah dari perasaan dan kecenderungan umat. Pemikiran seperti ini -secara semulajadi- tidak akan membawa kepada pemahaman yang benar tentang keadaan yang berlaku dalam negara. Pemikiran ini juga tidak dapat menghasilkan pemahaman yang benar terhadap keperluan umat, dan tidak membawa kepada kesedaran tentang thariqah (metod) kebangkitan umat. Sebab, pemikiran seperti ini adalah pemikiran yang terpisah dari perasaan umat, walaupun tidak kosong sama sekali dari perasaan umat. Lebih dari itu, pemikiran seperti ini semuanya adalah pemikiran asing, yang dibawa oleh seseorang yang memiliki perasaan Islam. Dengan demikian, adalah wajar jika pemikiran ini tidak dapat membentuk suatu kelompok yang benar yang mempunyai pemahaman yang benar.

Pengaruh tsaqafah asing ini tidak terhad kepada kaum terpelajar sahaja, malah menyebar dalam masyarakat secara keseluruhan. Akibatnya, pemikiran-pemikiran masyarakat pun terpisah dari perasaannya. Permasalahan masyarakat menjadi bertambah rumit, dan beban kelompok politik yang benar untuk membangkitkan umat pun menjadi semakin berat berbanding masalah yang dihadapi oleh umat dan parti Islam sebelum Perang Dunia I, kerana sebelum ini, masalah yang dihadapi oleh umat atau parti adalah masalah bagaimana membangkitkan suatu masyarakat Islami. Sekarang pula, masalahnya adalah bagaimana menyerasikan antara fikiran dan perasaan di kalangan kaum terpelajar, mencipta keserasian antara individu dan masyarakat dalam suatu pemikiran dan perasaan, terutamanya antara kaum terpelajar dengan masyarakatnya. Sebab, kaum terpelajar telah menerima pemikiran-pemikiran asing dengan sepenuh hati, tetapi tanpa mengambil perasaan-perasaannya. Penerimaan mereka yang sepenuh hati itu telah memisahkan mereka daripada masyarakat, juga telah mengakibatkan mereka memandang rendah dan tidak peduli terhadap masyarakat. Pemikiran asing itu juga telah membuat mereka kagum dan hormat terhadap orang asing. Mereka berusaha mendekatkan diri dan bergaul rapat dengan orang-orang asing, meskipun orang-orang asing ini adalah kaum penjajah.

Kerana itu, kaum terpelajar seperti ini tidak mungkin dapat memahami pelbagai situasi yang berlaku di negaranya, kecuali dengan meniru orang asing tersebut dalam memandang situasi negaranya, tanpa memahami hakikat situasi sebenarnya. Mereka tidak lagi mengetahui apa yang dapat membangkitkan umat, kecuali dengan mengikuti orang asing tersebut ketika berbicara mengenai kebangkitan.

Hati nurani kaum terpelajar seperti ini tidak termotivasi oleh dorongan ideologi, tetapi tergerak kerana sentimen patriotisme dan nasionalisme. Padahal emosi ini adalah emosi yang salah. Akibatnya, dia tidak akan berjuang demi negaranya dengan benar, dan tidak akan berkorban untuk kepentingan rakyat secara sempurna. Kerana perasaannya dalam melihat situasi negaranya, tidak berlandaskan pemikiran tertentu. Dia juga tidak akan menangkap keperluan-keperluan rakyatnya dengan perasaan yang berlandaskan pemikiran tertentu. Jika kita memaksakan diri untuk mengatakan bahawa dia berjuang menuntut suatu kebangkitan, maka sesungguhnya perjuangannya itu lahir dari konflik untuk kepentingan peribadinya, atau suatu perjuangan yang meniru-niru perjuangan bangsa lain. Oleh itu, perjuangannya tidak akan bertahan lama, dan hanya akan berlangsung sehingga halangan untuk merebut kepentingannya lenyap, (iaitu) dengan dia dilantik menjadi pegawai atau dengan tercapainya apa yang menjadi cita-citanya. Boleh juga perjuangannya itu akan luntur ketika ia bertembung dengan kepentingan peribadinya, atau ketika perjuangannya ditimpa bahaya.

Kelompok yang benar tidak boleh dibina daripada individu seperti ini sebelum menyelesaikan terlebih dahulu masalah-masalahnya, dengan menyelaraskan pemikiran dan perasaannya, dengan mendidiknya semula dengan tsaqafah ideologi yang benar, iaitu tsaqafah Islam. Penyelesaian seperti ini memerlukan dia menjadi seorang pelajar untuk membentuk pemikirannya dengan suatu format yang baru. Selepas menyelesaikan masalah ini, baru kita beralih kepada penyerasian antara dia dan masyarakatnya. Dengan demikian, akan mudahlah kita menyelesaikan masalah kebangkitan umat. Jadi seandainya tidak ada tsaqafah asing di negeri-negeri Islam, nescaya beban kebangkitan lebih ringan dari apa yang kita pikul sekarang.

Oleh itu, adalah mustahil dengan tsaqafah asing dalam masyarakat, untuk terbentuk suatu kelompok politik yang benar. Kelompok seperti ini tidak akan muncul berdasarkan tsaqafah asing tadi.

Penjajah tidak puas dengan menggunakan tsaqafah, bahkan mereka meracuni masyarakat Islam dengan pelbagai pemikiran dan pandangan politik serta falsafah, yang merosakkan pandangan hidup umat Islam. Dengan itu mereka merosakkan suasana Islami yang ada serta mengacau pemikiran umat Islam dalam setiap aspek kehidupan.

Dengan semua itu, hilanglah benteng pertahanan umat Islam yang semulajadi. Ini mengakibatkan setiap usaha kebangkitan akan berubah menjadi gerakan yang kacau-bilau dan saling bertentangan -menyerupai gerakan binatang yang sedang disembelih- yang berakhir dengan kematian, keputusan, dan menyerah kepada keadaan. Orang-orang asing ini berusaha bersungguh-sungguh menjadikan keperibadian mereka sebagai mercu suar tsaqafah kita, yang selalu digunakannya dalam aspek-aspek politik. Mereka juga berusaha supaya kiblatah pandangan ahli-ahli politik atau orang yang bergerak dalam bidang politik adalah meminta bantuan orang asing dan bergantung kepadanya.

Oleh itu, sebahagian besar kelompok yang ada –tanpa disedari- cuba meminta bantuan asing. Muncullah dalam negara, mereka yang meminta bantuan negara-negara asing, tanpa menyedari bahawa setiap permintaan bantuan kepada orang asing dan menganjurkan untuk bergantung kepada pihak asing –apa jua bentuknya- adalah racun dan pengkhianatan bagi umat Islam, walaupun niatnya baik. Mereka tidak menyedari bahawa mengikat masalah kita dengan orang selain kita adalah bunuh diri politik. Oleh itu, tidak mungkin mereka berjaya mendirikan suatu kelompok apa pun jika pemikirannya telah diracuni dengan sikap bergantung kepada atau menganjurkan untuk bergantung kepada bantuan asing.

Demikian juga para penjajah telah meracuni masyarakat dengan fahaman nasionalisme, patriotisme, sosialisme, sebagaimana mereka juga telah meracuni masyarakat dengan fahaman kedaerahan yang sempit. Penjajah telah menjadikan semua itu sebagai sumbu putar aktiviti-aktiviti yang bersifat sesaat. Demikian juga masyarakat diracuni dengan ilusi kemustahilan berdirinya Daulah Islam dan kemustahilan persatuan dan kesatuan negara-negara Islam dengan adanya perbezaan budaya, kaum, dan bahasa, meskipun mereka adalah satu umat yang diikat bersama dengan akidah Islam, yang melahirkan peraturan hidup Islam. Selain itu mereka juga meracuni masyarakat dengan konsep politik yang keliru seperti slogan : ‘Ambillah dan Mintalah’, ‘Rakyat adalah Sumber Kekuasaan’, ‘Kedaulatan ada di Tangan Rakyat, dan sebagainya. Mereka juga meracuni masyarakat dengan pemikiran-pemikiran yang salah seperti slogan: ‘Agama adalah Milik Allah’, ‘Tanah Air Milik Semua Orang’, ‘Kita Disatukan oleh Penderitaan dan Cita-Cita’, ‘Tanah Air di atas Segalanya’, ‘Kemuliaan bagi Tanah Air’, dan seumpamanya. Mereka juga meracuni masyarakat dengan pendapat-pendapat pragmatik yang klasik, seperti: ‘Sesungguhnya kita menggali sistem hidup kita dari realiti hidup kita’, ‘Kita mesti rela dengan realiti yang ada’, ‘Kita mesti bersikap realistik’, dan seumpamanya.

Akibat racun-racun seperti ini, masyarakat di negeri-negeri Islam -termasuk negara-negara Arab- berada dalam suatu keadaan yang tidak kondusif untuk berdirinya suatu kelompok yang benar. Oleh sebab itu, bukan perkara yang pelik apabila kelompok-kelompok politik yang mempunyai nama dan slogan sahaja (parti semu) mengalami kegagalan. Sebab, kelompok-kelompok tersebut tidak berdiri atas pemikiran yang mendalam, yang melahirkan peraturan (nizham) yang tepat, yang mempersiapkan orang-orang yang mempercayainya. Bahkan ada kelompok yang berdiri tanpa asas sama sekali.

Akibat semua itu adalah wajar jika parti-parti politik yang ada di dunia Islam hari ini, tidak terkecuali di negara Arab, menjadi parti-parti yang terpecah-belah. Sebab, parti-parti tersebut tidak berlandaskan pada suatu ideologi. Mereka yang mengkaji parti-parti ini akan

dapat melihat bahawa ia berdiri kerana peristiwa-peristiwa sesaat, yang dilahirkan oleh situasi tertentu yang memerlukan berdirinya kelompok politik. Setelah situasi ini diatasi, lenyap pulalah parti tersebut atau menjadi lemah atau terpecah-belah. Kadangkala kelompok-kelompok ini ditubuhkan berdasarkan persahabatan antara beberapa individu, sehingga mereka diikat oleh rasa persahabatan. Maka berkelompoklah mereka atas dasar persahabatan itu. Kelompok ini akan terbuang jika mereka mula sibuk dengan urusannya masing-masing. Ada pula kelompok yang berdiri kerana kepentingan-kepentingan sesaat dari orang-orang tertentu, dan alasan-alasan yang lain.

Dengan demikian, tidak ada pada orang-orang yang berkelompok atas asas-asas tersebut, dalam pelbagai situasi dan keadaan masyarakat, suatu ikatan parti yang bersifat ideologi. Maka kewujudannya bukan saja tidak bermanfaat, bahkan berbahaya kepada umat. Di samping itu, adanya kelompok-kelompok tersebut di tengah-tengah masyarakat telah menghalang kewujudan sebuah parti yang benar, atau menunda kemunculan sebuah parti yang benar. Sebab, kelompok-kelompok tersebut telah menanamkan keputusan dalam jiwa masyarakat, memenuhi hati masyarakat dengan noda hitam dan keragu-raguan, dan menghembuskan kecurigaan terhadap setiap gerakan politik, sekalipun gerakan ini adalah sebuah gerakan yang benar. Kelompok-kelompok tersebut juga menanam benih perselisihan antara individu, kedengkian-kedengkian keluarga, dan mengajar masyarakat cara-cara bersaing yang tidak benar, dan berkisar atas asas manfaat. Dengan kata lain, kelompok-kelompok seperti ini akan merosakkan tabiat murni masyarakat, di samping meningkatkan beban tugas kelompok politik yang benar. Padahal parti-parti Islam semestinya lahir dari kalangan masyarakat.

Di samping gerakan Islam, nasionalisme, dan patriotisme tersebut, gerakan-gerakan komunisme juga ditubuhkan atas asas materialisme. Gerakan-gerakan ini selari dengan gerakan komunisme di Rusia, dan bergerak mengikut arahan Rusia. Thariqah (metod) gerakannya adalah dengan cara merosak dan menghancurkan masyarakat. Antara tujuannya, di samping mencipta komunisme dalam negara tersebut, juga mengganggu penjajahan Barat demi kepentingan blok Timur, di mana orang-orang yang akan bergerak di dalamnya adalah ejen-ejen Timur. Gerakan ini tidak mampu berinteraksi dengan umat dan tidak banyak berpengaruh.

Adalah wajar jika gerakan ini gagal, kerana ia bertentangan dengan fitrah manusia dan menyalahi akidah Islam. Selain itu, gerakan patriotisme juga telah mengendalikan kepentingan-kepentingan mereka. Bagaimana pun ia menjadi satu masalah yang menambah rumit masalah-masalah sebelumnya yang telah begitu menyusahkan masyarakat.

Di samping gerakan-gerakan tersebut, berdiri pula gerakan atas dasar jam'iyah (gerakan sosial kemasyarakatan). Di pelbagai negara muncul organisasi tempatan dan serantau yang menghala kepada tujuan sosial/kebajikan (khairiyah). Organisasi-organisasi ini kemudian mendirikan sekolah-sekolah, hospital-hospital, rumah orang-orang tua, dan membantu pelbagai aktiviti sosial dan kebajikan. Setiap organisasi ini menonjolkan kelompoknya. Para penjajah telah berjaya menggalakkan kemunculan organisasi-organisasi seperti ini, supaya kegiatan sosialnya dapat dilihat dengan jelas oleh masyarakat. Sebahagian besar organisasi ini bergerak dalam bidang pendidikan dan sosial, dan jarang ada yang bergerak dalam bidang politik.

Jika kita perhatikan hasil-hasil dari organisasi-organisasi ini dengan teliti, kita akan menemui bahawa ia tidak menghasilkan sesuatu yang bermanfaat bagi umat atau membantu kebangkitannya. Bahayanya tidak jelas, kerana hanya dapat dilihat oleh orang yang menelitinya dengan mendalam. Di samping itu, kewujudannya itu sendiri menimbulkan bahaya besar, tanpa

melihat beberapa manfaat yang ditimbulkannya. Hal ini kerana umat Islam secara keseluruhan -kerana masih mempunyai sebahagian pemikiran Islam, menerapkan sebahagian hukum syarak, dan mempunyai perasaan Islam, disebabkan adanya pengaruh Islam- mempunyai keinginan untuk bangkit, mempunyai perasaan yang baik, dan mempunyai kecenderungan semula jadi untuk berkelompok. Sebab ruh ajaran Islam itu adalah ruh kejama'ahan. Maka jika umat dibiarkan mengurus dirinya sendiri, getaran atau perasaan berkelompok ini secara automatik akan berubah menjadi pemikiran, dan pemikiran ini secara praktikal akan membangkitkan umat.

Namun demikian, adanya pelbagai organisasi yang berasaskan jam'iyah tersebut telah menghalang kebangkitan ini. Sebab, organisasi tersebut telah menjadi saluran kepada perasaan-perasaan mereka yang menggelora itu, dan telah mengalihkan keinginan umat kepada aktiviti-aktiviti yang bersifat sebahagian (*partially*).

Ahli-ahli organisasi ini melihat bahawa mereka telah membina sekolah-sekolah, atau mendirikan hospital, atau mengambil bahagian dalam amalan baik, sehingga mereka merasa lega, tenteram, dan puas hati dengan kegiatan-kegiatan yang telah mereka lakukan. Berbeza halnya jika organisasi-organisasi seperti ini tidak ada, maka semangat kejama'ahan akan mendorongnya untuk berkelompok secara benar, iaitu dengan membentuk sebuah kelompok politik yang akan melahirkan kebangkitan yang benar.

Di samping pelbagai organisasi pendidikan dan sosial tersebut, berdiri juga organisasi berdasarkan akhlak yang berusaha membangkitkan umat atas dasar akhlak melalui nasihat-nasihat, bimbingan-bimbingan, pidato-pidato, dan risalah-risalah, dengan anggapan bahawa akhlak adalah asas kebangkitan. Organisasi-organisasi ini telah mencurahkan tenaga dan dana yang tidak sedikit, namun tidak mendatangkan hasil yang bermakna. Perasaan umat tersalur melalui pembicaraan-pembicaraan yang membosankan yang diulang-ulang tanpa makna. Organisasi-organisasi seperti ini berdiri atas pemahaman yang keliru terhadap firman Allah yang ditujukan kepada peribadi Rasulullah SAW. Allah SWT berfirman:

“Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) benar-benar mempunyai akhlak yang agung”
[TMQ al-Qalam (68): 4]

Walhal firman Allah ini adalah penggambaran sifat peribadi Rasulullah SAW, bukan sifat masyarakat. Organisasi-organisasi itu juga mempunyai pemahaman yang keliru terhadap sabda Nabi SAW:

“Sesungguhnya Allah mengutusku untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”

Atau sabda Nabi SAW tersebut menurut riwayat yang lain:

“Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”

Sebenarnya, dua hadis ini dan yang seumpamanya berkaitan dengan sifat individu, bukan sifat masyarakat. Mereka juga dipengaruhi secara salah oleh suatu bait sya'ir berikut:

Sesungguhnya bangsa-bangsa itu ditentukan oleh akhlaknya, jika mereka telah kehilangan akhlaknya maka mereka tidak lagi wujud.

Umat atau bangsa-bangsa tidak lahir atau didirikan kerana akhlak, tetapi kerana akidah yang mereka anuti, pemikiran yang mereka emban, dan peraturan yang mereka jalankan. Organisasi seperti ini juga muncul akibat salah faham terhadap makna masyarakat, bahawa masyarakat itu tersusun daripada individu-individu. Walhal masyarakat adalah satu kesatuan yang terdiri dari manusia, pemikiran, perasaan, dan peraturan. Kehancuran masyarakat tidak lain berasal dari rosaknya pemikiran, perasaan, dan peraturannya, bukan dari kerosakan (akhlak) manusia-manusianya. Untuk memperbaikinya tidak lain hanya dengan memperbaiki pemikiran, perasaan, dan peraturan yang ada.

Organisasi-organisasi tersebut juga berdiri berasaskan pemikiran majoriti para aktivis yang ingin memperbaiki keadaan dan para ulama, yang mengatakan bahawa sebuah masyarakat dapat dirosakkan oleh individu. Dan yang dapat membina dan menghancurkan individu-individu adalah akhlaknya. Oleh itu, dengan akhlak yang lurus dia akan menjadi kuat, konsisten, berdaya guna, produktif, yang berfungsi untuk kebaikan dan perbaikan masyarakat. Sementara akhlak yang buruk akan menjadikannya lemah, tidak dipedulikan, tidak mempunyai manfaat, dan tidak mempunyai kebaikan. Orang seperti ini tidak mempunyai tujuan lain dalam kehidupan kecuali memenuhi nafsu keinginan dan mengikuti egonya. Atas dasar ini, maka mereka berpendapat bahawa untuk memperbaiki masyarakat adalah dengan cara memperbaiki individu. Oleh kerana itu, mereka berpandangan bahawa memperbaiki masyarakat mestilah dilakukan dengan metod memperbaiki akhlak. Melalui akhlaklah, akan dihasilkan suatu kebangkitan umat.

Walaupun seluruh gerakan islahiah (gerakan yang berusaha untuk memperbaiki masyarakat) yang berasaskan akhlak itu telah gagal, tetapi orang masih tetap berkeyakinan bahawa kaedah-kaedah inilah yang menjadi asas untuk memperbaiki masyarakat. Mereka tetap mendirikan pelbagai gerakan islahiah dengan asas yang sama. Padahal realitinya, alat untuk memperbaiki masyarakat tidak sama dengan alat untuk memperbaiki individu, walaupun individu adalah sebahagian daripada masyarakat. Sebab, rosaknya masyarakat berasal dari rosaknya perasaan masyarakat dan rosaknya suasana (alam) pemikiran dan suasana ruhiyah masyarakat. Juga akibat adanya pemahaman-pemahaman yang salah dalam kalangan masyarakat. Dengan kata lain, rosaknya masyarakat adalah berasal dari rosaknya kebiasaan umum. Untuk memperbaikinya, tidak lain kecuali dengan mencipta kebiasaan umum yang baik. Dengan kata lain, tidak ada perbaikan kecuali dengan memperbaiki perasaan masyarakat, mencipta suasana ruhiyah yang benar dan suasana pemikiran yang berkaitan dengan aspek ruhiyah itu, serta adanya penerapan peraturan kehidupan oleh negara. Itu semua tidak akan berjaya, kecuali dengan mencipta suasana yang Islami dan meluruskan persepsi terhadap pelbagai perkara dalam kalangan manusia secara keseluruhan. Dengan demikian masyarakat akan menjadi baik dan individu juga akan menjadi baik. Dan hal ini tidak akan dapat dicapai oleh kelompok yang berdiri atas dasar jam'iyah, yang menjadikan akhlak, nasihat, dan bimbingan sebagai asas kelompok.

Inilah pangkal kegagalan semua kelompok yang berasaskan jam'iyah dalam membangkitkan dan memperbaiki umat. Demikian juga kegagalan yang dialami oleh kelompok yang berbentuk parti semu (yang asas kepartiannya tidak benar atau tidak lengkap), yang tidak dibina atas dasar ideologi tertentu, tidak berlatarbelakangkan apa jua persepsi(mafahim), serta tidak mempunyai ikatan yang benar antara ahlinya.

Perlu diketahui, bahawa kegagalan semua kelompok ini juga terjadi kerana faktor manusia atau individunya. Sebab di samping pembentukan kelompoknya bukan atas asas pembentukan kelompok yang benar -kerana tiada fikrah dan thariqah, atau kerana kesalahan

dalam metod pengikatan orang-orang ke dalam kelompok-kelompok tersebut, juga tidak diasaskan pada kelayakan individunya sendiri, melainkan berasaskan kedudukan orang tersebut dalam masyarakat, serta dari peluang memperoleh manfaat secara cepat dengan kewujudannya dalam parti atau jam'iyah.

Kadangkala seseorang direkrut kerana dia adalah pemimpin kaumnya atau kerana dia orang kaya di tengah-tengah masyarakatnya, atau kerana dia seorang peguam, doktor, atau mempunyai kedudukan dan pengaruh, tanpa mempertimbangkan adakah dia layak menjadi ahli kelompok atau tidak. Kerana itu, yang menonjol daripada kelompok seperti ini adalah tiada keteguhan antara ahli-ahlinya, atau persaingan untuk menduduki jawatan kepimpinan. Akibatnya, dalam hati ahli-ahli parti ini muncul semacam perasaan bahawa mereka lebih utama atau berbeza daripada ahli masyarakat yang lain, bukan semata-mata kerana harta dan peranannya sebagai tokoh masyarakat, tetapi juga kerana mereka adalah ahli parti atau jam'iyah tersebut. Oleh itu, mereka sukar berinteraksi dan mengadakan pendekatan dengan masyarakat. Maka kewujudan jam'iyah atau parti seperti ini adalah ibarat mencampur-aduk lumpur, iaitu mencipta kesukaran-kesukaran baru. Kesukaran ini menambah kesukaran yang sudah ada, yang membuat keadaan masyarakat semakin buruk dan terpuruk.

Atas asas itu, dapat dikatakan -selepas mempelajari, memikirkan, dan mengkaji masalah-masalah kelompok ini- bahawa di seluruh negeri Islam belum muncul suatu kelompok yang benar selama abad silam (abad ke-19 M), yang mampu membangkitkan umat. Semua kelompok yang ada telah mengalami kegagalan kerana didirikan atas asas yang salah. Padahal umat ini tidak akan bangkit kecuali dengan (kewujudan) sebuah kelompok. Kemudian, apakah kriteria sebuah kelompok yang benar yang mampu membangkitkan umat? Inilah yang kami ingin jelaskan.

Sesungguhnya, kelompok yang benar yang dapat membangkitkan umat tidak boleh ditegakkan berasaskan jam'iyah, yang sistem keorganisasiannya menetapkan bahawa ia akan melakukan kegiatan-kegiatan sosial tertentu, dalam bentuk kerja atau perkataan (propaganda-propaganda tertentu), atau hanya dalam bentuk kerja praktikal sahaja, atau dalam bentuk perkataan sahaja. Kelompok seperti ini tidak boleh muncul di tengah-tengah umat yang merindukan kebangkitan. Kelompok kepartian yang bukan berdasarkan ideologi tidak boleh berdiri, seperti yang sudah terjadi di dunia Islam sejak Perang Dunia I sehingga hari ini.

Kelompok yang benar adalah satu kelompok yang berdiri sebagai sebuah parti yang berideologi Islam. Fikrah Islam mesti merupakan ruh bagi bangunan partinya. Fikrah adalah jati diri dan rahsia kehidupannya. Sel awalnya adalah seseorang yang telah mengintegrasikan fikrah dan thariqah Islam di dalam dirinya, sehingga dia merupakan manusia yang mencerminkan fikrah itu dalam kebersihan dan kemurniannya, yang mencerminkan thariqah itu dalam kejujuran dan kelurusannya.

Apabila terdapat 3 (tiga) faktor ini –iaitu fikrah yang dalam, thariqah yang jelas, dan manusia yang bersih- maka ia bermakna telah tercipta satu sel utama. Kemudian sel ini akan bertambah banyak menjadi sel-sel berupa kelompok kecil (halqah) pertama dalam parti (halqah ula lil hizb) yang sekaligus merupakan pimpinan parti (qiyadah hizb). Apabila kelompok kecil pertama itu telah terbentuk, bermakna telah muncul sebuah kelompok kepartian (kutlah hizbiyah). Sebab, kelompok kecil pertama tersebut tidak lama kemudian akan berubah menjadi satu kelompok kepartian. Pada masa itulah kelompok tersebut akan memerlukan ikatan kepartian yang menyatukan orang-orang yang meyakini fikrah dan thariqahnya. Ikatan kepartian itu adalah akidah yang darinya terpancar falsafah parti, serta tsaqafah yang selari

dengan persepsi parti. Pada masa itu terbentuklah sebuah kelompok kepartian (kutlah hizbiyah) yang akan mengharungi samudera kehidupan. Kelompok ini akan menghadapi suasana panas dan sejuk, ditiup angin badai dan sepoi-sepoi, serta suasana jernih dan keruh secara silih berganti.

Jika faktor-faktor tersebut telah dipenuhi, bermakna pengkristalan fikrah telah berlaku, thariqahnya telah jelas, orang-orangnya telah bersedia, ikatannya telah kuat, dan telah mampu melakukan langkah-langkah praktikal dalam aktiviti dan dakwahnya. Ia sekarang telah berubah daripada sebuah kelompok kepartian menjadi sebuah parti ideologi yang utuh, yang bergerak demi sebuah kebangkitan yang benar. Inilah sebuah kelompok yang benar, yang jati dirinya adalah fikrah, kerana fikrah adalah asas kehidupannya.

Sementara bagaimana munculnya parti ideologi secara semulajadi dalam tubuh umat yang menghendaki kebangkitan, berikut ini penjelasannya.

Umat adalah satu tubuh yang tidak terpisah-pisah. Umat dalam bentuk utuhnya adalah seperti manusia. Sebagaimana manusia, apabila ia sakit parah -yang hampir membawanya kepada kematian- kemudian mula beransur-ansur sembuh, maka kesembuhan itu menjalar ke seluruh tubuhnya secara menyeluruh. Demikian juga umat yang mengalami kemunduran, mereka bagaikan orang yang sakit. Apabila kesembuhan itu mula tersebar di dalamnya, maka kesembuhan itu menyebar ke seluruh tubuh umat, kerana umat adalah satu kelompok manusia yang satu. Kehidupan bagi umat adalah fikrah yang disertai thariqah untuk menerapkan fikrah. Dari gabungan kedua-duanya -fikrah dan thariqah- terciptalah apa yang disebut sebagai ideologi (iaitu ideologi Islam).

Semata-mata adanya ideologi di tengah-tengah umat tidaklah cukup untuk membangkitkan kehidupan dalam umat. Akan tetapi, mereka yang dibimbing dengan ideologi itu, dan mengamalkan ideologi itu dalam aktiviti kehidupan merekalah yang menjadikan umat itu hidup. Sebab, kadangkala ideologi telah ada dalam kalangan umat, dalam warisan tasyri' (hukum), tsaqafah, dan sejarah umat, tetapi mereka mengabaikannya, iaitu lalai dalam fikrahnya, atau thariqahnya, atau penggabungan antara kedua-duanya. Dalam situasi seperti ini, semata-mata adanya fikrah dan thariqah, tidak akan mencipta kebangkitan.

Kehidupan biasanya akan menjalar dalam tubuh umat tatkala umat mengalami goncangan yang dahsyat dalam masyarakat, yang mengakibatkan timbulnya rasa kebersamaan. Rasa kebersamaan ini akan membuatkan mereka berfikir, menghasilkan pelbagai premis sebagai hasil dari pencarian sebab-musabab kepada goncangan tersebut, serta cara-cara langsung dan tidak langsung untuk membebaskan diri dari goncangan itu.

Sekalipun rasa kebersamaan ini satu dan menyeluruh dalam masyarakat antara individu-individunya, tetapi intensitinya berbeza-beza pada setiap orang, sesuai dengan kemampuan yang diberi oleh Allah kepadanya, dan sesuai dengan kesediaan maksimum yang mereka miliki. Oleh kerana itu, kesedaran mereka terhadap fikrah itu masih tetap tersembunyi sehingga pengaruhnya terkumpul. Pada awalnya pengaruh itu tertumpu pada orang-orang yang mempunyai perasaan yang lebih tajam dan tinggi, yang membangunkan mereka, memberi inspirasi kepada mereka, dan memotivasi mereka. Maka, pertama-tama harga diri (kehormatan dan kemuliaan) dalam hidup akan kelihatan pada orang-orang seperti ini.

Pada mereka yang mempunyai perasaan yang lebih tajam ini, tertanam perasaan kejemaahan yang kuat, serta terintegrasi fikrah. Maka mereka akan bergerak dengan penuh

kesedaran dan pemahaman. Mereka adalah mutiara-mutiara umat dan kelompok yang sadar dalam tubuh umat.

Namun begitu, kelompok yang sadar ini pada awalnya akan mengalami keresahan dan kebingungan. Mereka menyaksikan jalan yang beraneka-ragam dan kebingungan menentukan jalan manakah yang mesti ditempuhi. Tetapi gerakan sadar ini, yang terdapat dalam kelompok yang dipenuhi semangat kejamaahan itu, berbeza-beza intensitinya. Dengan demikian manthiqul ihsas (rasional yang berasaskan fakta-fakta yang dapat diindera) sebahagian individunya lebih kuat daripada individu lainnya. Maka satu golongan yang terpilih dan istimewa dari kelompok yang sadar tersebut -selepas melakukan kajian dan pembahasan yang mendalam- akhirnya memilih salah satu jalan dari beberapa jalan yang ada dan merumuskan tujuan yang akan dicapai, sebagaimana mereka akhirnya dapat memahami metod yang jelas, kemudian menggunakan metod itu untuk mencapai tujuan. Dengan demikian, mereka telah mendapat petunjuk kepada suatu ideologi dengan fikrah dan thariqahnya, meyakinkannya sebagai suatu akidah yang dalam, menghayatinya, dan menjadi akidah bagi mereka. Akidah ini -berserta tsaqafah parti seterusnya menjadi ikatan antara individu-individu dalam kelompok ini.

Dan apabila seseorang telah mengintegrasikan sebuah ideologi dalam dirinya, dia tidak akan mampu untuk tetap menyimpannya. Bahkan ideologi itu akan mendorong para penganutnya untuk mendakwahkaninya. Kegiatan mereka akan sentiasa mengikuti ideologi itu, iaitu berjalan sesuai dengan manhajnya, dan terikat dengan batasannya. Kewujudan mereka pun akhirnya didedikasikan hanya demi ideologi, demi dakwah kepada ideologi itu, dan untuk melakukan tugas-tugas yang ditetapkannya. Dakwah ini bertujuan agar manusia meyakini ideologi itu sahaja –bukan ideologi yang lain- dan bertujuan mewujudkan kesedaran umum terhadap ideologi tersebut.

Dengan demikian, halqah pertama (halqah ula) akan menjadi suatu kelompok kepartian (kutlah hizbiyah), kemudian berubah menjadi parti ideologi yang akan tumbuh secara wajar dalam dua aspek. Pertama, pengembangan sel-sel dengan pembentukan sel-sel lain yang meyakini ideologi atas dasar kesedaran dan pemahaman yang sempurna. Kedua, pembentukan kesedaran umum terhadap ideologi itu di tengah-tengah umat secara keseluruhan. Dari kesedaran umum terhadap ideologi ini akan wujudlah penyatuan pelbagai pemikiran, pendapat, dan keyakinan di tengah-tengah umat dengan penyatuan secara majoriti, walaupun bukan penyatuan secara aklamasi (qana'at). Dengan demikian tujuan, akidah, dan pandangan hidup umat akan bersatu.

Dengan cara inilah parti akan melebur umat, membersihkannya daripada kekotoran dan kerosakan yang menyebabkan kemundurannya, atau membersihkannya daripada kekotoran dan kerosakan yang muncul di tengah-tengah umat ketika umat mengalami kemunduran. Proses peleburan yang dilakukan oleh parti di tengah-tengah umat inilah yang akan menghasilkan kebangkitan. Ini adalah tugas yang berat. Oleh kerana itu, tugas ini tidak akan mampu dilakukan kecuali oleh sebuah parti yang hidup kerana fikrahnya, yang menjadikan kehidupannya berdiri atas fikrah itu, dan memahami setiap langkah yang mesti ditempuhinya.

Proses di atas dapat berlaku, kerana rasa kebersamaan -yang telah membawa kepada diperolehnya pemikiran parti- akan menampilkan pemikiran parti ke tengah-tengah umat di antara beraneka ragam pemikiran yang ada. Pada awalnya, ia merupakan pemikiran yang paling lemah, kerana baru sahaja lahir, baru wujud, belum tertancap kuat di tengah-tengah umat, serta belum mendapat suasana yang kondusif baginya. Tetapi kerana ia adalah pemikiran yang dihasilkan dari sebuah manthiqul ihsas –iaitu pemahaman yang dihasilkan dari proses

berfikir berdasarkan fakta yang dapat diindera- maka akan terwujudlah al ihsasul fikri -iaitu perasaan yang jelas/tajam- yang dihasilkan dari proses berfikir yang mendalam. Secara automatik al ihsasul fikri ini akan membersihkan orang-orang yang terkesan dengannya dan membentuknya menjadi orang yang ikhlas, sehingga sekalipun dia tidak mahu ikhlas, dia tidak akan mampu untuk tidak ikhlas. Pemikiran ini -akidah beserta tsaqafahnya- akan terintegrasi ke dalam diri al-mukhlis (orang yang ikhlas), dan membangkitkan suatu revolusi yang membakar di dalam jiwanya.

Revolusi seperti ini tidak lain adalah satu ledakan api setelah perasaan dan pemikirannya dibakar. Hal ini akan menyebarluaskan keinginan yang kuat, semangat, dan kejujuran dalam dakwah. Pada masa yang sama, ia juga akan menyebarluaskan manthiqul ihsas dan pemikiran yang mendalam, yang akan menjadi api yang membakar kerosakan dan cahaya yang menerangi jalan menuju reformasi. . Pergelutan akan terjadi antara usaha dakwah dan pemikiran (afkaar) yang rosak, doktrin ('aqaid) yang usang dan tradisi ('adaat) yang lapuk; elemen-elemen ini akan berusaha untuk bertahan namun akan menyebabkan pertembungan dengan ideologi baru ini yang hanya akan memperkukuhkan kedudukan ideologi tersebut. Akhirnya, hanya ideologi parti satu-satunya yang akan kekal di tengah-tengah umat. Fikrah parti menjadi fikrah umat dan akidah parti menjadi akidah umat.

Apabila parti telah berjaya menyatukan pelbagai pemikiran, keyakinan, dan pendapat, bermakna parti telah mencipta persatuan umat luar dan dalam, telah melebur dengan Islam, dan membersihkannya dari kotoran. Kemudian terwujudlah umat yang satu. Dengan demikian, lahirlah persatuan yang benar.

Kemudian parti mula memasuki tahap kedua, iaitu memimpin umat untuk melakukan aktiviti reformasi yang revolusioner untuk membangkitkan umat, dan kemudian bersama-sama dengan umat menggalas risalah Islam kepada pelbagai bangsa dan umat lain untuk melaksanakan kewajibannya kepada umat manusia.

Kelompok kepartian seperti ini adalah harakah jama'iyah (gerakan berkelompok), dan tidak mungkin ada kecuali merupakan gerakan berkelompok. Sebab, kelompok yang benar bukanlah merupakan gerakan individual. Oleh kerana itu, adalah suatu kemestian bagi aktivis parti-parti Islam di negeri-negeri Islam, untuk membahaskan harakah jama'iyah ini secara teliti dan memahaminya dengan secara mendalam.

Penelaahan terhadap harakah jama'iyah yang mempunyai pengaruh yang kuat pada masanya menunjukkan kepada kita bahawa gerakan seperti itu tidak akan lahir ketika kesenangan hidup mudah dicapai, hak-hak semulajadi manusia dipenuhi, kesejahteraan tercapai, serta ketika kecukupan keperluan peribadi dijadikan tolok ukur untuk menangani urusan-urusan masyarakat yang penting.

Dengan penelaahan terhadap pelbagai harakah jama'iyah ini, kita akan mudah untuk menilai setiap harakah jama'iyah dengan neraca yang sama, iaitu dengan mengkaji lingkungan di mana gerakan tersebut telah dan sedang wujud, situasi yang telah dan sedang mempengaruhinya, dan sejauh mana kegiatan para individu yang telah sedar untuk menjalankan aktiviti dan memudahkan kepentingannya, dalam mengatasi hal-hal yang menghambat kejayaannya atau menghambat laju gerakannya.

Kejayaan gerakan diukur dengan kemampuannya untuk membangkitkan rasa ketidakpuasan (kemarahan) rakyat, dan kemampuannya untuk mendorong mereka

menampakkan kemarahannya itu setiap kali mereka melihat penguasa atau rejim yang ada menyinggung ideologi, atau mempermainkan ideologi itu mengikut kepentingan dan hawa nafsu penguasa.

Untuk memahami harakah-harakah jama'iyah ini, kita mesti mempelajari kehidupan dalam masyarakat dan mengetahui interaksi umat dengan para penguasanya, interaksi penguasa dengan umat, sikap masing-masing, serta hakikatnya yang benar dalam pandangan Islam. Kita juga mesti mempelajari pelbagai pendapat, pemikiran, dan hukum yang masing-masing di propagandakan, ukuran-ukuran yang dipakai oleh masyarakat, serta apa yang ditawarkan oleh pelbagai pendapat, pemikiran, dan hukum itu, iaitu adakah berupa perubahan, pergantian, atau ijtihad. Perlu juga diketahui hakikat ijtihad tersebut dalam masalah furu' dan ushulnya, adakah diakui oleh Islam atau tidak. Begitu juga kita mesti memahami dengan meneliti keadaan nafsiyah (psikologi/kejiwaan) pada umat, yang menyaksikan hilangnya pendapat-pendapat, pemikiran-pemikiran, serta hukum-hukum Islam dari gelanggang kehidupan dunia di mana mereka hidup, di mana sistem kehidupan lain dan sistem pemerintahan lain dipaksakan ke atas mereka dengan pedang, tipu daya, dan wang.

Demikian juga untuk memahami harakah-harakah jama'iyah itu kita mesti mengetahui kecenderungan umat secara umum, pandangan umat terhadap pelbagai peraturan yang diterapkan ke atas mereka, yang mengakibatkan musnahnya Islam dan menjerumuskan mereka ke lembah kesengsaraan dan kegundahan. Kita juga perlu mengetahui kecenderungan para pemikir dalam kalangan umat dan sejauh mana tahap penerimaan mereka terhadap sistem rosak yang diterapkan ke atas mereka, adakah sistem itu membangkitkan rasa kebencian mereka atau tidak. Kita juga perlu mengetahui sejauh mana terpengaruhnya mereka oleh rayuan dan ancaman, dan sejauh mana mereka diseret oleh rayuan tersebut atau tunduk terhadap ancaman itu.

Seterusnya, perlu diketahui juga kelompok kepartian (kutlah hizbiyah) itu sendiri dan memastikan bahawa kelompok tersebut mempunyai perasaan (daya tanggap) yang peka, pemikiran yang mendalam, dan orang-orang yang ikhlas, bahawa semua peristiwa yang berlaku dalam masyarakat tidak melemahkan keimanannya terhadap Islam serta syariatnya. Juga bahawa semua rayuan, ancaman, ujian dan cubaan, tidak sedikitpun dapat mempengaruhinya. Kemudian kita juga mesti memastikan bahawa kelompok tersebut selalu menjaga nilai-nilainya sendiri dengan sempurna dan bahawa wilayah keimanannya berada dalam keadaan selamat. Kita mesti memastikan bahawa mereka dapat memenuhi keperluan akan pemikiran-pemikiran Islam yang mendalam, mengadopsi kepentingan umum, dan mempunyai rasa tanggungjawab secara sempurna. Ketiga-tiga perkara ini mesti diwujudkan secara sempurna, iaitu dengan meletakkan ideologi dalam benteng yang kukuh (mempertahankan kemurnian ideologi), kerana ideologi itu sentiasa akan diancam oleh ketidakadilan, kesewenang-wenangan, kekerasan, dan ancaman penguasa. Kemudian perlu dipastikan juga bahawa golongan ini telah membulatkan tekadnya untuk memikul tanggungjawab, dengan mengambil kira semua akibatnya, serta mempersiapkan diri untuk menanggung semua akibatnya.

Pengkajian terhadap sejarah dan fakta pelbagai harakah jama'iyah ini akan membawa kita mengetahui hakikat gerakan parti ideologi (parti politik berasaskan ideologi) -sebagai sebuah harakah jama'iyah- serta memastikan bahawa ia telah memenuhi semua syarat-syaratnya dan berjalan pada thariqahnya yang semulajadi. Dengan demikian, jika setelah diteliti ternyata dalam parti itu terdapat kesalahan/penyimpangan, atau berdasarkan pengkajian, gerakan itu mesti mengubah struktur organisasinya, atau mesti bersikap fleksibel dalam bergerak, atau mesti bersikap teguh dalam perjuangan, maka gerakan itu akan menggunakan

suatu cara tertentu yang dapat menjamin pelaksanaan tugasnya dalam membangkitkan umat dan menjadikan umat ini sebagai pembawa risalah kepada semua bangsa dan umat lain.

Proses pembentukan sebuah parti politik supaya ia menjadi sebuah kelompok politik yang benar mestilah mengikuti petunjuk di bawah ini:

1. Mendapat petunjuk untuk memahami ideologi. Seseorang yang mempunyai kemampuan berfikir yang tinggi dan perasaan yang peka akan mendapat petunjuk untuk memahami ideologi. Kemudian dia akan mendalami ideologi tersebut, sehingga ideologi itu menjadi sangat jelas baginya dan mengkristal dalam dirinya. Pada masa itulah muncul sel pertama daripada parti itu. Tidak berapa lama kemudian sel tersebut akan menjadi semakin banyak. Kemudian muncul orang-orang lain, yang akan membentuk sel-sel (seperti jaringan) yang satu sama lain dihubungkan secara integral oleh ideologi itu. Maka pada masa itu terbentuklah halqah pertama (halqah ula) bagi kelompok kepartian ini, yang sekaligus merupakan pimpinan parti (qiyadah hizb). Ideologi merupakan satu-satunya poros bagi kelompok orang-orang ini, dan juga merupakan satu-satunya kekuatan yang menarik mereka untuk berkumpul di sekeliling ideologi itu.

2. Ahli halqah pertama ini biasanya berjumlah sedikit dan pada mulanya bergerak perlahan. Kerana meskipun ia mengungkapkan perasaan masyarakat tempat ia hidup, tetapi pengungkapannya menggunakan lafaz-lafaz dan pemahaman-pemahaman yang berbeza dengan apa yang biasa didengari oleh masyarakat. Kelompok ini mempunyai persepsi-persepsi baru yang berlawanan dengan persepsi-persepsi masyarakat umum, sekalipun ia adalah ungkapan perasaan masyarakat itu sendiri.

Oleh kerana itu, halqah pertama tersebut seakan-akan terasing dari masyarakat. Tidak akan bergabung ke dalamnya kecuali orang-orang yang mempunyai perasaan (nurani) yang kuat (peka) sampai kepada had tertentu di mana terciptanya suatu daya tarik kepada magnet ideologi yang telah terintegrasi ke dalam halqah pertama tersebut.

3. Biasanya pemikiran halqah pertama (atau pimpinan parti) tersebut cukup mendalam dan metode kebangkitannya adalah fundamental, iaitu bermula dari aspek yang paling asas. Oleh sebab itu halqah pertama tersebut akan diangkat daripada keadaan yang buruk tempat umat hidup. Dia ibarat ‘terbang’ di alam (suasana) yang lebih tinggi dan mampu melihat realiti masa depan yang mesti dicapai oleh umat, iaitu mampu melihat kehidupan baru di mana umat akan diubah ke arah keadaan tersebut. Dia juga dapat melihat jalan yang mesti dilaluinya dalam mengubah realiti yang ada.

Oleh sebab itu, ia mampu melihat sesuatu (yang tersembunyi) di sebalik dinding/tabir, pada masa kebanyakan orang hanya dapat melihat kulit luarnya sahaja. Ini terjadi kerana masyarakat yang ada sangat terikat dengan keadaan buruk tempat mereka hidup. Mereka mengalami kesukaran untuk ‘terbang’, sehingga sukar juga baginya untuk memahami perubahan realiti secara benar. Sebab, masyarakat yang mengalami kemerosotan hanya mempunyai pemikiran yang dangkal, yang dalam semua bentuknya bersumber dari fakta yang ada. Kemudian mereka mengukur setiap perkara dengan fakta tersebut dengan cara pukul rata yang keliru. Mereka mengatur diri mereka sesuai dengan hasil penilaian ini. Oleh sebab itu, semua kepentingan mereka sentiasa beredar menyesuaikan diri dengan fakta tersebut (yang mereka jadikan standard untuk menilai).

Pemikiran halqah pertama tidaklah dangkal lagi dan sudah menghampiri had kesempurnaan. Mereka menjadikan realiti sebagai objek fikiran –untuk diubah sesuai dengan ideologi- tidak menjadikan realiti sebagai sumber pemikiran dengan cara menyesuaikan ideologi dengan realiti. Oleh kerana itu, mereka berusaha mengubah, membentuk, serta menundukkan keadaan mengikut kehendak mereka supaya keadaan itu sesuai dengan ideologi yang mereka yakini, bukan sebaliknya, iaitu menyesuaikan ideologi itu dengan keadaan. Dengan demikian, antara halqah pertama dengan masyarakat terdapat perbezaan yang tajam dalam memahami pandangan hidup. Di sinilah diperlukan pendekatan terhadap masyarakat.

4. Pemikiran halqah pertama (atau pimpinan parti) tertumpu kepada suatu kaedah yang tetap, iaitu bahawa pemikiran mesti berkaitan dengan aktiviti (amal), dan bahawa pemikiran dan aktiviti mesti mempunyai suatu tujuan tertentu yang hendak dicapai. Oleh kerana itu, dengan adanya integrasi ideologi dalam diri mereka dan dengan bersandarnya mereka kepada suatu kaedah yang tetap, terciptalah suatu suasana keimanan yang mantap. Ini akan membantu mereka dalam menundukkan dan mengubah keadaan. Sebab pemikiran mereka tidak terbentuk dari realiti yang terjadi, malah pemikiran mereka itulah yang akan membentuk realiti mengikut ideologi mereka.

Berlainan dengan masyarakat yang sedang merosot, mereka tidak mempunyai suatu kaedah dalam berfikir, kerana seluruh masyarakat tidak mengetahui tujuan mereka berfikir dan bertindak. Tujuan-tujuan individu pada masyarakat seperti ini hanya bersifat sementara dan sangat individualistik. Oleh sebab itu, tidak ditemui adanya suasana keimanan padanya. Mereka dikendalikan oleh keadaan sehingga mereka menyesuaikan diri dengan keadaan itu, bukan membentuk keadaan mengikut kehendak mereka. Dari sinilah akan terjadi pertembungan antara halqah pertama dengan masyarakat pada awal mereka saling berinteraksi.

5. Kerana di antara kewajipan halqah pertama parti (pimpinan parti) adalah mencipta suasana keimanan yang memastikan mereka mengikut metode berfikir tertentu, maka mereka mestilah melakukan gerakan-gerakan yang terarah, untuk mengembangkan dirinya secara cepat dan memurnikan suasana keimanannya dengan sempurna sehingga mereka mampu membina tubuh partinya dengan baik secepat kilat. Mereka juga mesti mampu berubah -secara cepat- dari halqah kepartian (halqah hizbiyah) menjadi kelompok kepartian (kutlah hizbiyah), untuk kemudiannya menjadi sebuah parti yang sempurna, yang telah mewajibkan dirinya untuk masuk ke dalam masyarakat dengan menjadi subjek yang berpengaruh, bukan menjadi objek yang terpengaruh oleh keadaan masyarakat.

6. Gerakan-gerakan terarah tersebut dirancang berdasarkan kajian secara bersungguh-sungguh terhadap keadaan masyarakat, orang-orangnya, dan suasananya. Ia juga diasaskan pada pengawasan yang penuh kewaspadaan supaya institusi parti tidak disusupi oleh unsur yang merosakkan. Juga supaya tidak terjadi kesalahan dalam menyusun struktur organisasi parti, yang atas dasar itu terbentuk tubuh parti. Dengan demikian, parti tidak tergelincir pada pandangan yang bukan pandangannya yang benar dan tidak mengalami kemusnahan dari dalam.

7. Akidah yang mendalam dan teguh serta tsaqafah parti yang matang wajib menjadi pengikat antara ahli parti, dan wajib menjadi undang-undang yang mengendalikan jamaah parti, bukan undang-undang pentadbiran yang hanya tertulis di atas kertas. Cara memperkuat akidah dan memperdalamkan tsaqafah adalah dengan cara belajar dan berfikir, supaya terbentuk pola fikir yang khas dan terwujud fikiran yang berhubung dengan perasaan. Suasana keimanan mestilah tetap menyelimuti parti secara keseluruhan, sehingga yang menyatukan parti adalah dua

perkara, iaitu hati dan akal. Oleh sebab itu iman terhadap ideologi mestilah ada, sehingga pada mulanya hati menjadi penyatu individu-individu parti. Kemudian mereka mesti mempelajari ideologi secara mendalam, menghafalkan, mendiskusikan, dan memahaminya, sehingga penyatu yang kedua adalah akal. Dengan demikian, parti telah mempersiapkan dirinya dengan benar dan mempunyai ikatan yang kuat dan mantap, yang memungkinkannya untuk selalu teguh dan kukuh menghadapi semua jenis guncangan.

8. Pimpinan parti atau halqah pertama dapat disamakan seperti sebuah enjin pembakaran dari satu sisi, tetapi berbeza dari sisi yang lain. Sisi persamaannya adalah seperti berikut. Enjin yang digerakkan oleh gas umpamanya, mempunyai tenaga panas yang dihasilkan daripada percikan api (palam pencucuh) dan petrol pada satu gerakan enjin. Tenaga panas ini menghasilkan tekanan gas. Tekanan ini mendorong piston yang menggerakkan mesin dan menggerakkan semua peralatan mesin. Atas dasar ini, kewujudan palam pencucuh, petrol, dan pusingan mesin adalah asal-usul pergerakan enjin. Sebab, dari ketiga-tiga perkara itulah tenaga panas yang akan menimbulkan tekanan, akan dihasilkan dan tekanan inilah yang akan menggerakkan bahagian mesin yang lain dan menggerakkan enjin. Apabila pusingan mesin berhenti, maka berhenti jugalah gerakan alat-alat yang lain. Dengan demikian mesti ada palam pencucuh, petrol, dan gerakan enjin supaya dapat menghasilkan pusingan mesin dan pergerakan semua peralatan mesin.

Seperti itulah perumpamaan pimpinan parti (atau halqah pertama). Fikrahnya bagaikan percikan api dari palam pencucuh, perasaan para ahlinya yang penuh kesedaran bagaikan petrol, dan manusia yang perasaannya terpengaruh oleh fikrah adalah bagaikan gerakan enjin.

Atas dasar ini, apabila fikrah berhubung dengan perasaan manusia, akan lahir tenaga panas, yang menggerakkan pimpinan parti untuk bergerak. Gerakan pimpinan parti tersebut kemudian akan menggerakkan bahagian-bahagian parti yang lain, baik individu-individu, halqah-halqah, mahupun lajnah-lajnah mahalliyah (seperti Dewan Pimpinan Parti Daerah-pen), dan lain-lain. Semuanya akan dipengaruhi oleh panasnya gerakan pimpinan parti, sehingga bergeraklah semuanya dan berpusing seperti berpusingnya mesin. Di sinilah parti mula bergerak dan kemudian berkembang dalam pembentukan dirinya.

Berdasarkan hal ini, tenaga panas dari pimpinan parti mesti disalurkan ke seluruh bahagian parti, sehingga semua bahagian itu bergerak, sebagaimana gerakan enjin menggerakkan seluruh bahagian mesin.

Inilah sudut persamaan antara enjin mesin dengan pimpinan parti. Oleh kerana itu, pemimpin-pemimpin parti tersebut mestilah memperhatikan aspek ini. Mereka mesti sentiasa melakukan hubungan dengan bahagian parti yang lain dan menggerakkannya, supaya tenaga panas pimpinan parti dapat mempengaruhi semua ahlinya. Jika dia telah berhubung beberapa kali, dan melihat bahawa sebahagian ahli dan lajnah tidak bergerak kecuali jika digerakkan, maka janganlah dia berputus-asa. Dia mesti tahu bahawa ia adalah sesuatu yang wajar, kerana alat-alat tidak akan berpusing kecuali jika enjin atau mesinnya berpusing dan panas disalurkan darinya.

Namun begitu, pimpinan parti (atau halqah pertama) gerakannya tidaklah automatik akan menggerakkan parti secara keseluruhan, sebagaimana gerakan piston akan menggerakkan bahagian enjin kilang yang lain. Tetapi gerakannya hanya mirip gerakan enjin kilang pada awal gerakannya sahaja. Namun setelah adanya gerakan parti, masalahnya bukanlah demikian. Dari aspek inilah pimpinan parti (halqah pertama) berbeza dengan enjin kilang. Kerana enjin kilang

selalu secara automatik menggerakkan bahagian peralatan-peralatan enjin yang lain, sedangkan pimpinan parti adalah mesin sosial, bukan mesin kilang. Ahli-ahli, halqah-halqah, dan lajnah-lajnah mahalliyah adalah manusia, bukan besi, yang dalamnya terkandung daya hidup. Mereka dipengaruhi oleh panasnya pimpinan parti, iaitu dipengaruhi oleh panasnya ideologi yang telah terintegrasi dalam jiwa pimpinan parti (halqah pertama). Maka selepas mereka memahami fikrah dan bersentuhan dengan panasnya pimpinan parti, mereka akan menjadi sebahagian dari enjin parti. Pada masa itulah, hanya dengan gerakan pimpinan parti sahaja -kerana adanya tenaga panas pada mereka- akan dapat membangkitkan gerakan seluruh bahagian parti secara semulajadi. Sebab, gerakan pimpinan parti –mereka adalah enjin sosial- akan menjadi pemikiran yang menyebar luas ke seluruh tubuh parti. Pada masa itu bukan hanya pimpinan yang menggerakkan enjin, tetapi -dengan perkembangan dan sempurnanya pembentukan parti- seluruh bahagian dalam parti juga menjadi penggerak enjin.

Atas dasar ini, gerakan parti tidak memerlukan gerakan pimpinan, juga tidak memerlukan penyaluran panas darinya. Ideologi pada ahli parti, halqah-halqah, dan lajnah-lajnah mahalliyah akan berjalan secara automatik tanpa memerlukan dorongan pimpinan. Sebab, panas pada semua bahagian parti bersumber dari ideologi dan dari setiap pemikiran yang telah menyebar luas dalam parti dan bersentuhan dengan semua bahagian parti secara semulajadi.

9. Parti ideologi akan menempuh 3 (tiga) tahap (marhalah), sehingga dia dapat mula menerapkan ideologinya di tengah-tengah masyarakatnya.

Pertama, tahap pengkajian dan belajar untuk mendapatkan tsaqafah parti.

Kedua, tahap interaksi (tafa'ul) dengan masyarakat tempat parti itu hidup, sehingga ideologinya menjadi kebiasaan umum -sebagai hasil dari kesedaran masyarakat terhadap ideologi itu- dan sehingga masyarakat menganggap bahawa ideologi parti adalah ideologi mereka, sehingga mereka mahu membelanya bersama-sama. Pada tahap ini mula berlaku pergolakan antara umat dan mereka yang menghalang penerapan ideologi, iaitu para penjajah dan orang-orang yang mereka rancang untuk menghalang penerapan ideologi itu, seperti kelompok penguasa, orang-orang zalim, dan para pengikut tsaqafah asing. Pergolakan ini terjadi kerana umat telah menganggap bahawa ideologi parti adalah ideologi mereka dan parti adalah pemimpin mereka.

Ketiga, tahap menerima kekuasaan secara menyeluruh melalui sokongan umat, sehingga parti tersebut dapat menjadikan pemerintahan sebagai metod untuk menerapkan ideologi ke atas umat. Dari tahap ini parti mula melakukan aspek amaliah (praktikal) dalam medan kehidupan. Aspek dakwah kepada ideologi tetap menjadi tugas utama negara dan parti, kerana ideologi adalah risalah yang wajib diimban oleh umat dan negara.

10. Tahap pertama adalah tahap pembentukan asas gerakan. Tahap ini ditempuhi dengan suatu andaian bahawa seluruh individu umat adalah kosong daripada apa jua tsaqafah. Pada tahap ini parti mula membina orang-orang yang bersedia menjadi ahlinya dengan tsaqafahnya. Digunakan pula andaian bahawa masyarakat secara keseluruhan adalah sekolah bagi parti, sehingga dalam masa yang singkat parti mampu mencetak sekelompok orang yang mampu melangsungkan pertemuan dengan masyarakat untuk berinteraksi dengannya.

Namun demikian perlu diketahui bahawa pembinaan ini bukanlah ta'lim (yang semata-mata hanya proses pemindahan ilmu-pen), dan bahawa ia berbeza sama sekali dengan sekolah.

Oleh sebab itu, pembinaan dalam halqah-halqah tersebut mestilah berjalan dengan suatu andaian bahawa ideologi Islam adalah gurunya, bahawa ilmu dan tsaqafah yang diperolehi dalam halqah hanya terhad pada ideologi sahaja -beserta semua ilmu/tsaqafah yang diperlukan untuk mengharungi medan kehidupan dan bahawa tsaqafah diambil untuk diamalkan secara langsung dalam realiti kehidupan.

Maka, pembinaan mestilah bersifat amaliah (praktikal), iaitu bahawa tsaqafah dipelajari untuk diamalkan dalam kehidupan. Dinding tebal yang memisahkan otak dengan aspek ilmiah semata-mata mesti diletakkan terhadap tsaqafah, sehingga pengkajian tsaqafah tidak menghalang kepada cara pengkajian tsaqafah dalam sekolah yang bersifat ilmiah semata-mata (orang menuntut ilmu hanya untuk diketahui sahaja dan bersifat akademik-pen).

11. Parti adalah kelompok yang berdiri atas asas fikrah dan thariqah, iaitu atas asas ideologi yang diimani oleh setiap ahlinya. Parti mengawal pemikiran dan perasaan masyarakat untuk digerakkan dalam satu gerakan yang terus meningkat (kualiti dan kuantitinya). Parti juga berusaha menghalang kemerosotan semula pemikiran dan perasaan masyarakat. Partilah yang mendidik umat, mengeluarkannya (dari kebodohan), dan mendorongnya untuk mengharungi medan kehidupan antarabangsa. Dia adalah tempat pengkaderan sebenar, yang tidak dapat ditandingi oleh sekolah-sekolah lain walaupun jumlah sekolah-sekolah itu banyak dan mencakup pelbagai bidang ilmu.

Terdapat perbezaan antara parti dan sekolah yang perlu diketahui. Perbezaan tersebut secara jelas terdapat pada beberapa poin, antaranya:

a. Bahawa sekolah, walaupun kurikulumnya benar, tidak dapat menjamin kebangkitan umat tanpa adanya suatu parti di daerah itu yang berjuang di tengah-tengah masyarakat, yang menganggap masyarakat sebagai sekolahnya. Sebab, pada dasarnya -walaupun sekolah mampu membangkitkan 'tenaga panas' kepada murid-muridnya- ia mesti mempunyai sifat rutin (statik). Sekolah berdiri dalam suatu bentuk dan sifat yang khusus. Dengan demikian ia kehilangan kemampuan untuk membentuk realiti mengikut keinginannya, ia dibentuk oleh keadaan. Jika ia ingin mempunyai kemampuan itu, kegiatan yang rumit diperlukan dalam jangka masa tertentu, sehingga terbentuk kemampuan seperti itu. Padahal sekolah memang dipersiapkan dengan dasar yang tetap (statik), yang tidak mempunyai kemampuan untuk membentuk realiti.

b. Jika parti mempunyai program yang benar, ia mempunyai beberapa ciri seperti berikut: 1) hidup, iaitu ia sentiasa tumbuh, 2) berkembang, iaitu ia berpindah dari satu keadaan menuju kepada keadaan yang lain, 3) bergerak, iaitu ia bergerak dalam setiap aspek kehidupan masyarakat dan di seluruh bahagian negara, 4) kepekaan, iaitu ia boleh melihat dan merasakan semua yang berlaku dalam masyarakat dan berpengaruh dalam masyarakat itu.

Persiapannya dirancang atas prinsip bahawa ia bertugas membentuk kehidupan dan perasaan dalam masyarakat. Pada parti, hal seperti ini selalu terjadi perkembangan dan perubahan yang bersifat dinamik. Ia tidak bergerak dengan suatu metod yang statik, kerana ia berjalan bersama kehidupan, membentuk kehidupan itu dengan suasana keimanannya, serta mengubah realiti dan membentuknya mengikut tuntutan ideologi.

c. Sekolah mendidik dan mencerdaskan seseorang serta memberinya ilmu dengan memandang bahawa dia adalah seorang individu tertentu. Sekolah, walaupun berbentuk suatu jama'ah (komuniti masyarakat) kecil, dari segi pendidikan, sifatnya tetap individual. Oleh sebab itu,

hasil-hasil pendidikan sekolah juga bersifat individual, tidak bersifat jama'ah. Jika misalnya suatu bandar mempunyai penduduk sepuluh ribu orang dan di dalamnya terdapat sekolah yang mendidik ribuan pelajar, maka sekolah tersebut tidak mampu mencetuskan sebuah kebangkitan yang bersifat jama'ah di bandar tersebut.

d. Parti mendidik dan membina jama'ahnya sebagai sebuah jama'ah yang satu, tanpa memandang individu-individunya. Parti tidak memandang individu-individu jama'ahnya sebagai individu-individu tertentu, tetapi sebagai sebahagian dari jama'ah. Jadi ia mendidik mereka secara jama'ah supaya mereka layak untuk menjadi bahagian integral parti, bukan untuk memperbaiki individunya semata-mata. Oleh kerana itu, hasil pembinaan parti bersifat jama'ah, bukan bersifat individual (orang per orang). Misalnya ada sebuah jama'ah di suatu wilayah berpenduduk sejuta orang dan di dalamnya terdapat sebuah parti dengan seratus orang ahli. Mereka akan mampu mencetuskan sebuah kebangkitan yang tidak dapat dicetuskan oleh sekolah walaupun sekolah itu mengerahkan segenap kesungguhan, menghabiskan banyak masa, dan melahirkan ramai alumni.

e. Sekolah menyiapkan individu supaya berpengaruh dalam jama'ah tempat hidupnya. Individu tersebut tidak akan berpengaruh kecuali secara sebahagian (hanya pada bidang ilmunya). Sebab ia hanya mampu mempengaruhi perasaan yang bersifat sebahagian, yang sedikit pengaruhnya dalam merangsang pemikiran.

f. Parti menyiapkan jama'ah untuk mempengaruhi individu. Jama'ah mampu berpengaruh secara menyeluruh, kerana perasaannya kuat, selalu berwaspada, dan mampu merangsang pemikiran. Maka pengaruhnya terhadap individu-individunya akan menjadi kuat dan akan mampu membangkitkan individu-individu tersebut dengan sedikit usaha dalam masa yang lebih singkat. Sebab yang merangsang pemikiran adalah perasaan. Dan dari reaksi antara pemikiran dan perasaan itu, akan lahir gerakan menuju kebangkitan.

Dari keterangan-keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa ada 3 (tiga) perbezaan antara parti dan sekolah, iaitu :

1. Sekolah bersifat rutin dan tidak mampu membentuk masyarakat, sementara parti sentiasa berkembang secara dinamik tanpa suatu (mekanisme) rutin dan mampu membentuk masyarakat dengan suasana keimanannya.

2. Sekolah mendidik individu supaya berpengaruh terhadap jama'ah, maka hasilnya adalah bersifat individual. Sementara parti mendidik jama'ah untuk mempengaruhi individu, sehingga hasilnya adalah bersifat jama'ah.

3. Sekolah menyiapkan perasaan secara sebahagian pada individu untuk mempengaruhi perasaan jama'ah. Oleh kerana itu, ia tidak mampu mempengaruhi jama'ah dan tidak mampu merangsang pemikiran jama'ah. Sementara parti mempersiapkan perasaan secara menyeluruh dalam jama'ah untuk mempengaruhi perasaan individu-individunya. Oleh itu ia akan mampu mempengaruhi jama'ah dan mampu juga merangsang pemikiran mereka secara sempurna.

12. Pada tahap ini, mesti tetap disedari bahawa masyarakat secara keseluruhannya adalah sebuah sekolah besar bagi parti. Juga mesti tetap disedari bahawa terdapat perbezaan yang besar antara sekolah dan parti dari segi tsaqafahnya. Kesedaran bahawa masyarakat adalah sekolah bagi parti mestilah ada, kerana tugas parti pada masa ini adalah membangkitkan akidah yang benar dan membentuk pemahaman yang sahih. Ia tidak akan terlaksana, kecuali dengan

melaksanakan kegiatan seperti sekolah ('amaliyah madrasah). Ideologi parti bertindak sebagai guru, dan tsaqafahnya bertindak sebagai bahan-bahan pelajaran. Ideologi dan tsaqafah ini wujud pada orang-orang yang telah mengintegrasikan ideologi parti. Mereka adalah guru kepada masyarakat secara langsung, sementara lajnah mahaliyah dan halqah-halqahnya adalah staf-staf pengajarnya. Jadi masyarakat secara keseluruhan adalah sekolah. Kegiatan pengkaderan ini memestikan ahli-ahli parti -yang mengadopsi persepsi-persepsi parti- untuk melakukan kajian yang mendalam, memiliki pemahaman yang sahih, mendiskusikan tsaqafah parti pada setiap peluang, dan berusaha menghafaz perlembagaannya, hukum-hukum yang penting, serta kaedah-kaedah umum yang telah diadopsi parti. Semua ini memerlukan aktiviti pengkaderan.

Oleh sebab itu, setiap orang yang menjadi ahli parti mesti mempunyai keinginan yang kuat dalam aspek ini, tanpa memandang adakah dia graduan atau hanya berkelulusan sekolah rendah, atau dia hanya seseorang yang bersedia untuk dididik. Sesiapa sahaja yang meremehkan tsaqafah parti, bermakna dia tetap berada di luar lingkaran parti, sekalipun dia telah bergabung ke dalam parti. Ini dapat menimbulkan bahaya bagi struktur umum dalam parti.

Parti mesti menahan diri sejauh mungkin dari amal praktikal sebelum ia mempunyai sejumlah orang yang terdidik dengan tsaqafah parti. Oleh itu, tahap ini disebut sebagai tahap tsaqafiyah (pembinaan dan pengkaderan dengan tsaqafah parti-pen).

Kesedaran bahawa terdapat perbezaan antara parti dan sekolah dalam hal tsaqafahnya juga mesti ada, supaya tsaqafah parti tidak berubah menjadi tsaqafah sekolah. Jika ini terjadi, maka parti akan kehilangan vitalitinya.

Oleh sebab itu, mereka yang bergabung ke dalam parti mesti dihalang untuk mengambil aspek ilmiah dari tsaqafah parti (belajar hanya sekadar untuk mendapatkan ilmu-pen). Perlu dikenalpasti bahawa tsaqafah parti adalah untuk mengubah persepsi-persepsi umat, untuk diamalkan dalam realiti hidup, dan untuk menyebarkan qiyadah fikriyah (ideologi yang menjadi panduan dan pimpinan pemikiran-pen) di tengah-tengah umat. Parti tidak boleh mendorong umat untuk belajar hanya demi aspek ilmiah (sekadar mendapatkan ilmu). Jika seseorang mempunyai keperluan yang bersifat keilmuan, maka tempatnya adalah di sekolah, bukan parti. Adalah berbahaya jika tsaqafah parti dipelajari dari aspek keilmuannya sahaja. Sebab ini akan mencabut ciri tsaqafah parti itu -iaitu untuk diamalkan- serta akan menunda perpindahan aktiviti parti menuju tahap kedua dari tahap-tahap gerakannya.

13. Tahap kedua adalah tahap berinteraksi dengan umat, yang diiringi dengan perjuangan politik (kifah siyasi). Tahap ini dianggap sebagai tahap yang amat genting (crucial). Kejayaan parti pada tahap ini merupakan bukti sihatnya pembentukan parti. Kegagalan pada tahap ini menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak selesai yang wajib diperbaiki. Jadi tahap kedua ini dibina di atas landasan tahap sebelumnya.

Kejayaan pada tahap pertama adalah syarat utama untuk berjaya pada tahap kedua. Namun begitu, kejayaan pembinaan tsaqafah pada tahap pertama tidak menjamin kejayaan pada tahap kedua. Lebih dari itu, kejayaan pembinaan mesti diketahui oleh masyarakat, iaitu masyarakat mengetahui bahawa ada aktiviti dakwah Islam di tengah-tengah mereka, dan mereka juga mengetahui bahawa ahli-ahli partilah yang menggalas dakwah. Demikian juga ruh kejayaan mesti sudah terbentuk pada masa pembinaan di halqah-halqah. Para ahli parti pun mesti telah melakukan kontak dengan masyarakat tempat mereka hidup serta berusaha untuk

mempengaruhi masyarakat. Dengan begitu ketika mereka berpindah ke tahap kedua, kesiapan kejamaahan telah wujud, sehingga memudahkan ahli-ahli parti berinteraksi dengan umat.

14. Ahli-ahli parti tidak akan beralih dari tahap pengkaderan (pembinaan) kepada tahap interaksi, kecuali setelah mereka menguasai tsaqafah parti secara mendalam. Dalam ertikata lain, telah terbentuk dalam diri mereka suatu keperibadian Islam (syakhshiyah Islamiyah), di mana nafsiyah (pola jiwa) mereka sudah berjalan seiring dengan aqliyah (pola fikir) mereka, sesuai dengan sabda Rasulullah SAW :

"Tidak sempurna iman salah seorang dari kalian, sehingga hawa nafsunya tunduk kepada apa yang aku bawa (Islam)"

Ahli-ahli parti juga tidak akan berpindah kepada tahap kedua, kecuali setelah masyarakat mengetahui bahawa mereka mengemban dakwah Islam, serta perasaan kejama'ahan (muyul jama'iyah) telah kuat dan berbekas pada perbuatan mereka. Ini nampak dengan kehadirannya dalam halqah dan interaksinya dengan masyarakat sedemikian rupa, sehingga tercabutlah dari jiwa mereka sifat uzlah (mengasingkan diri dari masyarakat-pen). Kerana uzlah itu adalah gabungan dari sikap pengecut dan keputusan, yang mesti dikikis habis dari individu-individu dan masyarakat.

15. Parti berpindah dari tahap pembinaan/pengkaderan kepada tahap interaksi secara semulajadi. Dalam ertikata, jika ia hendak berpindah ke tahap kedua sebelum waktunya (ketika syarat-syaratnya dipenuhi), dia tidak akan mampu melakukannya. Kerana pada tahap pertama terjadi penyempurnaan nuqthatul ibtida' (titik awal dakwah), memandangkan proses pembinaan itu akan menjadikan ideologi yang terintegrasi ke dalam jiwa kader-kader parti, di samping akan menjadikan masyarakat mengetahui adanya dakwah dan ideologi secara jelas. Ketika integrasi ideologi -iaitu penanaman ideologi ke dalam jiwa- telah sempurna pada diri kader-kader parti dan masyarakat pun sudah merasakan kehadiran ideologi secara sempurna, bermakna dakwah telah melalui nuqthatul ibtida' (titik awal) dan dakwah mesti berpindah kepada nuqthatul intilaq (titik tolak dakwah).

Supaya parti dapat mula menjalani nuqthatul intilaq, dia mesti mula menyeru umat (mukhatabatul ummah). Untuk memulakan seruannya ini, dia wajib memulakannya dengan cuba menyeru umat (muhawalatul mukhathabah) terlebih dahulu. Kemudian jika dia berjaya dengan usahanya ini, dia akan menyeru umat secara langsung. Seruan-seruan tidak langsung (muhawalatul mukhathabah) dilakukan dengan: **1)** tsaqafah murakkazah (pembinaan dan pengkaderan intensif dalam halqah-halqah), **2)** tsaqafah jama'iyah (pembinaan masyarakat umum) di semua tempat yang memungkinkan, **3)** membongkar rancangan-rancangan penjajah, dan **4)** mengadopsi kemaslahatan-kemaslahatan umat (menjelaskan kemaslahatan yang semestinya diperolehi umat).

Jika parti berjaya dalam empat aktiviti tersebut, dia mesti berusaha menyeru umat secara langsung (mukhatabatul ummah), dan berpindah kepada nuqthatul intilaq (titik tolak) secara semulajadi. Perpindahannya kepada titik tolak inilah yang memindahkannya secara semulajadi dari tahap pertama -iaitu tahap pembinaan tsaqafah- menuju tahap kedua, iaitu tahap interaksi. Perpindahannya itu juga yang menjadikannya mampu memulakan interaksi dengan umat pada masanya (yang tepat) secara semulajadi.

16. Interaksi dengan umat adalah penting untuk kejayaan parti dalam mencapai tujuannya. Kerana walaupun ahli parti banyak jumlahnya dalam masyarakat, tetapi jika tidak berinteraksi

dengan umat, mereka tetap tidak akan mampu menggalas tugasnya sendiri sekalipun mereka kuat. Lain halnya jika umat bersama mereka. Demikian juga mereka tidak akan mampu mengajak umat berbuat sesuatu atau melangkah bersama mereka, kecuali jika mereka berinteraksi dengan umat.

Pengertian berinteraksi dengan umat bukanlah mengumpulkan umat di sekitar mereka, tetapi yang dimaksudkan adalah memahami umat akan ideologi parti supaya ia menjadi ideologi umat. Kerana asal ideologi tersebut -iaitu Islam- terdapat dalam umat. Namun begitu, perasaan umat ini telah berubah menjadi suatu pemikiran, yang kemudian mengkristal pada kelompok yang khas ini, di mana dari kelompok inilah parti terbentuk.

Kaedah (pengungkapan) perasaan umat tersebut -iaitu berfikir dan beraktiviti untuk satu tujuan tertentu adalah ungkapan sebenar ideologi. Oleh sebab itu, ideologi (Islam) adalah perasaan umat yang paling dalam, dan parti adalah pengungkap bagi perasaan tersebut. Jika ia diungkapkan dengan tepat, dengan bahasa yang jelas dan cara yang tepat, umat akan memahami ideologi dengan cepat, kemudian berinteraksi dengan parti. Umat juga secara keseluruhannya akan menganggap dirinya adalah parti, sedangkan kelompok pilihan tersebut menggalas tugas memimpin gerakan dengan sebuah kelompok yang bersifat parti (takattul hizbi).

Gerakan inilah yang menggerakkan umat di bawah pimpinan parti menuju tahap ketiga, iaitu tahap penerapan ideologi secara revolusioner, melalui sebuah pemerintahan yang dikuasai oleh kelompok politik tersebut. Kerana pemerintahanlah satu-satunya jalan untuk menerapkan fikrahnya. Dengan kata lain, kewujudan pemerintahan adalah sebahagian daripada ideologi parti.

Namun demikian, terdapat banyak kesukaran yang menghambat interaksi parti dengan umat, yang mesti diketahui jenis dan tabiatnya, supaya parti dapat mengatasi kesukaran tersebut. Kesukaran-kesukaran tersebut amat banyak, antaranya :

a. Pertentangan ideologi (Islam) dengan sistem (peraturan kehidupan) yang diterapkan di tengah-tengah masyarakat.

Ideologi parti adalah sebuah sistem kehidupan yang baru bagi masyarakat sekarang. Ideologi ini bertentangan dengan sistem yang diterapkan ke atas masyarakat, yang dengan sistem itu golongan penguasa memerintah rakyat. Oleh sebab itu, para penguasa tersebut akan menganggap ideologi tersebut merupakan ancaman terhadap kelompok mereka dan institusi kekuasaan mereka. Mereka pasti akan menghalang dan memerangnya dengan pelbagai cara, dengan melancarkan propaganda untuk menentang ideologi itu, mengusir para pengemban dakwahnya, atau dengan menggunakan kekuatan fizikal (kekerasan). Maka, hendaklah para pengemban ideologi ini –yakni mereka yang berinteraksi dengan umat dengan mendakwahkan ideologi mereka- pandai-pandai menjaga diri dari siksaan dengan segenap kemampuan, menentang propaganda-propaganda sesat -dengan menjelaskan dakwah mereka- dan bersiap sedia menanggung segala penderitaan di jalan dakwah ini.

b. Perbezaan tsaqafah. Dalam masyarakat terdapat pelbagai jenis tsaqafah dan tersebar pelbagai jenis pemikiran yang berbeza-beza. Namun begitu, mereka masih mempunyai perasaan yang sama. Pelbagai jenis tsaqafah tersebut –terutama tsaqafah para penjajah- merupakan ungkapan yang bertentangan dengan perasaan masyarakat. Sementara tsaqafah yang berasal dari ideologi parti (Tsaqafah Islamiyah) adalah ungkapan yang benar dari perasaan-perasaan umat. Tetapi,

tsaqafah yang menjadi pendapat umum dalam masyarakat dan kurikulum pendidikan di sekolah, universiti, dan seluruh forum tsaqafah, adalah tsaqafah yang selari dengan tsaqafah asing. Semua gerakan politik dan tsaqafah pun berjalan mengikut tsaqafah asing.

Oleh itu, dalam proses pembinaannya, parti mesti masuk ke dalam kancah pergelutan menghadapi pelbagai tsaqafah dan pemikiran asing itu, sehingga umat mengetahui dengan jelas ungkapan yang benar dari nurani dan perasaan mereka, sehingga kemudiannya umat berjalan bersama parti. Dari sinilah, dalam fasa ini sudah pasti berlaku pertembungan-pertembungan (clash) antara tsaqafah dan pemikiran parti dengan tsaqafah dan pemikiran lain. Pertembungan-pertembungan pemikiran ini terjadi antara anak-anak umat Islam sendiri. Oleh sebab itu, dalam hal ini parti tidak boleh melakukan 'debat kusir', tetapi mesti berjalan di atas jalan yang lurus di sisi jalan yang bengkok (melakukan perbandingan dan kritikan ke atas pemikiran secara adil). Debat kusir mesti dijaui secara mutlak, supaya tidak memunculkan egoisme (fanatisme) yang membutakan mata dan menulikan telinga terhadap hakikat kebenaran Islam. Parti mesti menjelaskan secara jelas pemikiran-pemikirannya, mendedahkan kepalsuan atau kebatilan pemikiran dan tsaqafah lain, serta menjelaskan akibat-akibatnya yang berbahaya. Pada masa itu umat akan berpaling dari tsaqafah-tsaqafah asing tersebut dan mengalihkan perhatiannya kepada tsaqafah dan pemikiran parti. Bahkan para penganut tsaqafah asing tersebut pun akan berpaling kepada tsaqafah dan pemikiran parti setelah mereka nampak jelas kepalsuan-kepalsuannya. Sudah tentu ini bila mereka memang ikhlas, sedar, dan mempunyai jiwa yang bersih.

Namun begitu, perlu disedari, tugas ini adalah tugas yang paling berat bagi parti. Oleh sebab itu, interaksi dengan umat yang di dalamnya banyak berakar tsaqafah asing akan lebih sukar berbanding tempat-tempat yang sedikit tsaqafah asingnya. Peluang terjadinya kebangkitan pada wilayah yang sedikit tsaqafah asingnya akan lebih besar daripada wilayah yang di dalamnya banyak tsaqafah asing. Maka, parti mesti betul-betul mengetahui ciri jama'ah yang menjadi sasaran interaksi, supaya parti dapat mengambil tindakan yang tepat sesuai dengan keadaan jama'ah itu.

c. Adanya orang-orang yang bersikap realistik/pragmatik (al-waqi'iyin) di tengah-tengah umat. Bercokolnya tsaqafah asing dan racun-racun asing, serta bermaharajalelanya kebodohan, telah memunculkan dua jenis kelompok orang-orang pragmatik di tengah-tengah umat.

Kelompok pertama, adalah kelompok orang-orang yang bersikap realistik/pragmatik, yang menyeru umat untuk menerima realiti, untuk rela dengan realiti dan menyerah pasrah kepada realiti, seakan-akan realiti adalah suatu kemestian yang tidak boleh ditolak. Ini terjadi kerana kelompok ini telah menjadikan realiti sebagai sumber (subjek) pemikiran dan sumber penyelesaian bagi masalah-masalah yang mereka hadapi. Satu-satunya cara untuk mengatasi kesukaran ini adalah berusaha membincangkan sesuatu perkara secara mendalam dengan mereka, sehingga mereka melihat dan menyedari bahawa realiti adalah objek pemikiran, yang mesti diubah. Dengan cara ini dimungkinkan untuk meluruskan pemikiran kelompok ini.

Kelompok kedua, adalah kelompok orang-orang zalim yang enggan hidup dalam kebenaran, kerana mereka terbiasa hidup senang dalam kegelapan, terbiasa tidak peduli terhadap orang lain, dan berfikir secara dangkal. Mereka ini adalah orang-orang yang menghidap penyakit malas, baik malas secara fizikal mahupun akal. Mereka berkeras kepala untuk terus memegang teguh peninggalan nenek moyang mereka -yang mereka warisi dari bapa-bapa mereka semata-mata kerana mereka adalah nenek moyangnya. Inilah kelompok pragmatik yang sebenarnya, kerana mereka termasuk dalam realiti itu sendiri (yang selalu

hendak mereka lestarian kewujudannya-pen). Mereka adalah orang-orang yang berfikir jumud (beku). Oleh itu, untuk menyedarkan kelompok ini perlu usaha yang lebih keras. Cara mengatasi kesukaran ini adalah dengan berusaha mendidik mereka dan bersungguh-sungguh memperbaiki persepsi-persepsi mereka.

d. Kesukaran lain yang menghambat gerak dakwah adalah keterikatan manusia dengan kepentingan-kepentingannya. Ia terjadi kerana manusia sentiasa terikat dengan kepentingan peribadinya dan pekerjaannya sehari-hari. Sementara pada masa yang sama, dia mesti terikat dengan ideologi. Boleh jadi, suatu masa kepentingan-kepentingan tersebut bertentangan dengan aktiviti dakwah kepada ideologi, sehingga dia berusaha mengkompromikan kedua-duanya. Untuk mengatasi kesukaran ini, setiap orang yang meyakini ideologi ini (Islam) wajib menjadikan dakwah dan parti sebagai titik pusat bagi setiap kepentingan peribadinya. Dia tidak boleh sibuk dengan pekerjaan-pekerjaan yang melupakan dan menghalangnya dari dakwah. Dengan cara ini dia telah memindahkan kedudukan dakwah -yang sebelum itu berpusing mengikuti kepentingan peribadinya- menjadi paksi tempat kepentingan-kepentingan peribadinya berpusing.

e. Kesukaran lain yang menghadang laju dakwah adalah sukarnya mengorbankan kehidupan dunia –berupa harta, perniagaan, dan seumpamanya- di jalan Islam dan dakwah Islam. Cara mengatasi kesukaran ini adalah dengan mengingatkan orang-orang yang beriman, bahawa Allah telah membeli jiwa dan harta mereka dengan syurga. Ya, cukup dia diberi peringatan seperti itu, kemudian mereka diberikan pilihan dalam berkorban, tanpa memaksanya untuk melakukan sesuatu. Rasulullah SAW telah menulis surat kepada Abdullah bin Jahsy RA ketika baginda mengutusnya menjadi pemimpin pasukan untuk mengintip kaum Quraisy di Nakhlah, yang terletak di antara Makkah dan Tha'if. Dalam surat itu Rasulullah SAW bersabda:

“Janganlah sekali-sekali engkau memaksa seseorang dari sahabat-sahabatmu untuk berjalan bersamamu. Laksanakanlah perintahku bersama-sama orang-orang yang bersedia mengikutimu!”

f. Mungkin akan segera terlintas dalam minda, bahawa antara kesukaran yang ada adalah perbezaan kemudahan-kemudahan fizikal (madaniyah) antara pelbagai lapisan masyarakat. Ia kerana ada umat yang tinggal di pusat bandar, ada yang di kampung, dan ada pula yang hidup mengembara (badwi). Kemudahan-kemudahan fizikal yang dipakai di bandar berbeza dengan yang di kampung, yang dipakai di kampung pun berbeza dengan yang di perkampungan dan khemah-khemah badwi. Oleh sebab itu, kadangkala perbezaan bentuk kemudahan-kemudahan fizikal ini memunculkan pemikiran kepada parti untuk membezakan pembinaan tsaqafah atau arahan ideologi di antara umat.

Ini sangat berbahaya, kerana walaupun umat berbeza-beza dalam kemudahan-kemudahan kehidupan fizikalnya, sebenarnya mereka adalah umat yang satu, yang mempunyai perasaan, pemikiran, dan ideologi yang satu. Oleh kerana itu, dakwah terhadap umat dan juga kegiatan berinteraksi dengan mereka mestilah satu, tidak ada perbezaan antara bandar dan kampung.

17. Dalam tahap kedua ini –iaitu tahap berinteraksi dengan umat- parti menghadapi dua bahaya, iaitu bahaya ideologi (khathr mabda'iy) dan bahaya kelas (khathr thabaqiy).

Bahaya ideologi datang dari arus jama'ah dan dari keinginan untuk memenuhi tuntutan umat yang bersifat sementara dan mendesak. Bahaya itu juga bersumber dari munculnya pendapat yang mendominasi jama'ah bahawa pemikiran parti telah gagal.

Bahaya ini dapat muncul kerana ketika parti mengharungi lapangan kehidupan dalam masyarakat, dia melakukan kontak dengan massa (majoriti masyarakat) untuk berinteraksi dengannya dan untuk memimpin mereka. Pada masa parti yang membekali diri dengan ideologi itu masuk ke tengah massa, di dalamnya terdapat pemikiran-pemikiran kuno atau lama yang saling bertentangan, massa, parti membekali diri dengan pemikiran dan pendapat parti serta berusaha dengan sungguh-sungguh untuk memperbaiki persepsi massa, membangkitkan akidah Islam dalam diri mereka, dan mencipta suasana yang benar dan kebiasaan umum yang baik dengan persepsi-persepsi parti. Semua ini memerlukan dakwah dan propaganda, sehingga umat akan berkumpul di sekitar parti atas asas ideologi dalam bentuk semakin kuatnya iman kepada ideologi di tengah-tengah umat, munculnya kepercayaan terhadap persepsi parti, lahirnya sikap memuliakan dan menghormati parti, serta bersedianya massa untuk mentaati parti dan berjuang bersama parti. Pada masa itu, kewajipan parti adalah meramaikan para pengikutnya yang beriman dan dipercayai oleh umat, supaya parti dapat terus mengendalikan umat, seperti halnya para perwira di kalangan tentera. Jika parti berjaya dalam tahap interaksi ini, parti akan memimpin umat kepada tujuan yang diinginkannya -mengikut batas-batas ideologi dan menyelamatkan keretapi supaya tidak keluar dari landasannya.

Apabila parti memimpin massa sebelum ia sempurna melakukan interaksinya dengan massa dan sebelum tercipta kesedaran umum pada umat, maka kepimpinannya atas umat bukan berdasarkan hukum dan pemikiran dari ideologi, melainkan dengan membangkitkan apa yang bergelora di dalam jiwa umat, dengan menyentuh perasaannya, dan dengan warisan-warisan generasi masa lalu, pemikiran-pemikiran asing yang berbahaya, dan ketaklidan kepada kafir penjajah. Ketika parti melakukan interaksi dengan menggambarkan bahawa tuntutan mereka akan dipenuhi dalam waktu yang dekat.

Namun begitu, masalahnya dalam keadaan ini, massa belum terlepas dari perasaan-perasaan lamanya seperti patriotisme, nasionalisme, dan spiritualiti yang non politik. Keadaan-keadaan masyarakat yang ada dapat membangkitkan perasaan-perasaan ini. Pada masa itulah akan muncul kebanggaan terhadap asal-usul yang rendah seperti kebanggaan terhadap asal golongan dan mazhab. Akan terlihat juga pemikiran-pemikiran lama –seperti kemerdekaan dan kebebasan- dan juga sikap-sikap fanatik yang merosakkan, seperti fanatik terhadap asal bangsa atau keluarga.

Maka mulalah muncul pertentangan antara mereka dengan parti, kerana mereka memaksakan kepada parti tuntutan-tuntutan yang tidak sesuai dengan ideologi dan menyeru kepada tujuan-tujuan sementara yang membahayakan umat. Mereka sangat mengharapkan supaya tuntutan-tuntutan itu dipenuhi. Harapan ini semakin lama semakin bergejolak. Muncul pula di sini sikap-sikap fanatik yang bermacam-macam.

Dalam keadaan seperti ini parti berada di antara dua pilihan yang sukar. Pertama, berhadapan dengan kemarahan dan kebencian umat serta kehilangan pengaruhnya atas jama'ah. Kedua, berhadapan dengan keadaan terlepasnya parti dari ideologi dan munculnya sikap meremehkan ideologi. Kedua-dua perkara ini sangat berbahaya bagi parti.

Oleh itu, jika berhadapan dengan dua pilihan ini -kelompok masyarakat atau ideologi- hendaklah parti berpegang teguh kepada ideologi, walaupun dia mesti menghadapi kebencian

umat, kerana kebencian itu hanya bersifat sementara. Keteguhan parti pada ideologi akan mengembalikan kepercayaan umat kepadanya. Dalam hal ini hendaklah mereka berhati-hati supaya tidak menyalahi ideologi dan tidak menyimpang dari prinsip-prinsip ideologi walaupun hanya sehelai rambut. Sebab, ideologi adalah kehidupan (nyawa) bagi parti. Ideologilah yang dapat menjamin kelestarian parti.

Untuk menjaga diri dari situasi genting ini dan untuk mengelakkan bahaya ini, parti hendaklah bersungguh-sungguh memahami umat akan ideologinya, menjaga kejelasan fikrah dan persepsinya, dan berusaha menjaga kelestarian suasana iman yang telah tertanam di dalam umat.

Hal itu akan mudah dicapai dengan memberikan perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap proses pembinaan/pengkaderan, memberikan perhatian yang lebih besar terhadap pembinaan masyarakat umum (tatsqif jama'i), lebih bersungguh-sungguh dalam mengungkapkan rancangan kafir penjajah secara mendalam, selalu memperhatikan umat dan kepentingannya, melebur umat dengan ideologi dan parti secara sempurna, dan selalu meneliti pelbagai pemikiran dan persepsi parti supaya tetap bersih. Semuanya itu mesti dilakukan dengan mengerahkan segala kemampuan yang ada, berapa pun besarnya kesungguhan dan usaha yang mesti dicurahkan.

Sementara bahaya kelas, ia dapat menimpa aktivis-aktivis parti, bukan menimpa umat. Bahaya ini terjadi kerana ketika parti menjadi wakil umat atau majoriti umat, ia akan mempunyai tempat terhormat, kedudukan yang mulia, serta mendapat penghormatan yang sempurna dari umat, khususnya dari masyarakat umum. Ini kadangkala dapat menghembuskan tipu daya ke dalam jiwa aktivis-aktivis parti, sehingga mereka merasa bahawa mereka lebih tinggi dari umat, bahawa yang menjadi tugas mereka adalah memimpin, sedangkan tugas umat adalah untuk dipimpin. Pada masa itulah mereka merasa lebih tinggi di atas individu-individu umat atau sebahagian dari umat, tanpa mempertimbangkan bahaya dari sikap ini.

Jika ini terjadi berulang-kali, umat akan merasa bahawa parti adalah suatu lapisan 'kelas' yang lain. Demikian juga parti pun akan merasakan perkara yang sama. Munculnya perasaan ini adalah awal kemusnahan parti, kerana ia akan melemahkan semangat parti untuk mempercayai masyarakat kebanyakan, dan sebaliknya ia akan melemahkan kepercayaan masyarakat terhadap parti. Pada masa itulah, umat akan mula berpaling dari parti.

Apabila umat telah berpaling dari parti, bermakna parti telah musnah. Ia memerlukan usaha yang berlipat kali ganda untuk mengembalikan kepercayaan umat terhadap parti. Kerana itulah, hendaknya para aktivis parti bersikap seperti individu-individu umat kebanyakan. Hendaklah mereka tidak mempunyai perasaan terhadap diri mereka, kecuali bahawa mereka adalah pelayan umat dan bahawa tugas mereka sebagai parti adalah berkhidmat kepada umat. Mereka mesti berpandangan demikian, sebab ini akan memberi mereka kekuatan dan keuntungan lain, bukan hanya terpeliharanya kepercayaan majoriti umat kepada mereka, melainkan juga akan sangat bermanfaat bagi mereka pada tahap ketiga nanti, ketika parti menguasai pemerintahan untuk menerapkan ideologi. Kerana pada masa itu -sebagai penguasa- mereka sebenarnya tetap menjadi pelayan umat, sehingga sikapnya tersebut akan memudahkan mereka untuk menerapkan ideologi.

18. Tahap ketiga adalah tahap meraih kekuasaan. Parti meraih kekuasaan melalui umat dan melalui aktiviti thalabun nushrah, serta menerapkan ideologi secara sekaligus. Inilah yang disebut metod revolusioner. Metod ini tidak membolehkan parti bergabung ke dalam

pemerintahan yang menerapkan hukum Islam secara sebahagian. Parti mesti mengambil kekuasaan secara total dan menjadikannya sebagai metod untuk menerapkan ideologi, bukan sebagai tujuan perjuangan. Metod ini memestikan penerapan ideologi Islam secara revolusioner, tidak membolehkan penerapan ideologi secara bertahap, bagaimana pun keadaannya.

Apabila negara telah menerapkan ideologi secara sempurna dan menyeluruh, negara wajib menggalas dakwah Islam dan menetapkan dalam anggaran perbelanjaannya pembiayaan khusus untuk dakwah dan propaganda Islam. Negara mengawas kegiatan dakwah tersebut dari sisi kenegaraan atau dari sisi kepartian mengikut tuntutan situasi yang ada.

Walaupun parti telah berjaya merebut kekuasaan, ia tetap ada sebagai sebuah parti. Struktur organisasinya tetap ada, baik ahli-ahlinya menduduki kerusi pemerintahan atau tidak. Parti menganggap bahawa pemerintahan adalah awal langkah praktikal untuk melaksanakan ideologi parti dalam negara. Parti juga selalu berusaha untuk menerapkan ideologi itu di setiap penjuru dunia.

Inilah langkah-langkah yang mesti ditempuh oleh parti dalam medan kehidupan untuk membawa fikrah menjadi praktikal. Atau dengan kata lain, itulah langkah untuk membawa ideologi ke dalam medan kehidupan, dengan cara melanjutkan kehidupan Islam, untuk membangkitkan masyarakat, dan untuk menggalas dakwah Islam ke seluruh pelusuk dunia. Pada masa inilah, parti memulakan tugas praktikalnya, iaitu untuk tugas itulah parti tersebut ada.

Atas dasar ini, jelaslah bahawa parti adalah jaminan hakiki untuk dapat mendirikan dan melestarikan Daulah Islam. Parti juga jaminan hakiki untuk dapat menerapkan Islam, memperbaiki penerapannya, melestarikan penerapannya, dan menggalas dakwah Islam ke seluruh penjuru dunia. Sebab selepas Daulah Islam berdiri, parti akan mengawasi dan mengawal negara, serta akan memimpin umat untuk membahas pelbagai masalah dengan negara. Pada masa yang sama, parti akan terus menggalas dakwah Islam di negara-negara Islam dan di setiap jengkal penjuru dunia.